



Hujung Minggu

فليتا بروني

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.39

SUBUH 4.49 SYURUK 6.11 DUHA 6.35 ZUHUR 12.08 ASAR 3.30 MAGHRIB 6.03 ISYAK 7.17

Daerah Belait ditambah 3 minit  
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 68 BILANGAN 141

25 NOVEMBER 2023 / 1445 جمادی الاول 11

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahsuna'llahu Wani'malwakeel, Walaha'ula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Alameen.

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

## Komitded membasmi kemiskinan di rantau ASEAN

Siaran Akbar : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 23 November. – Peranan Sistem Kebajikan Negara adalah sebagai alat penting dalam menyediakan platform utama untuk memohon bantuan kebajikan, serta menjana data berkaitan kemiskinan yang berharga yang boleh membantu dalam pembentukan program yang disasarkan untuk memperkasa golongan yang memerlukan.

Perkara tersebut antara yang ditekankan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad semasa berucap pada Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN mengenai Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmi Kemiskinan (AMRDPE) ke-13 di Singapura baru-baru ini.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, seterusnya menegaskan peranan penting Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung dalam pembangunan sosio-ekonomi masyarakat.

Yang Berhormat juga mengongsikan bahawa pengkajian semula skim perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, khususnya penurunan syarat umur kelayakan, telah meluaskan kumpulan pemimpin masyarakat akar umbi untuk juga merangkumi golongan belia yang mana lebih 20 peratus daripada pemegang jawatan tetap pemimpin akar umbi adalah berumur 40 tahun dan ke bawah.

>> Muka 12

MANISNYA IMAN ايمان

"KATAKANLAH (sampaikanlah firman-Ku ini wahai Nabi Muhammad) : Wahai hamba-hamba-Ku yang melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa daripada rahmat Allah. Sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa semuanya. Sesungguhnya Dia adalah Yang Maha Pengampun Lagi Maha Pengasih. Dan kembalilah (bertaubat) kepada Tuhan kamu serta berserah dirilah kepada-Nya sebelum datang azab ke atas kamu, kemudian kamu tidak dapat akan diberi pertolongan". - Allah Subhanahu Wata'alai berfirman dalam Surah Az-Zumar, ayat 53 - 54.

## MUNAJAT : WASILAH, JALAN MENUJU TAUBAT



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah pada Perasmian Majlis Ilmu 2023 dan pelancaran buku bertajuk 'Majlis Ilmu : Mercu Tanda Intelektualisme Raja Kita - Suluh Negara' bersempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77 Tahun yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid (Lihat Muka 3).

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**BERAKAS**, Khamis, 23 November. – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, taubat tidak hanya semata-mata dilihat sebagai perbuatan memohon keampunan, menyesali perbuatan dosa dan berazam untuk tidak mengulanginya lagi, bahkan taubat juga mengandungi banyak faedah yang sukar dicapai oleh akal manusia. Antaranya, dengan taubat, dosa terhapus, bala bencana dan musibah terangkat serta



azab tertolak.

Perkara itu ditekankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan bertitah pada Perasmian Majlis Ilmu 2023 dan pelancaran buku bertajuk 'Majlis Ilmu : Mercu Tanda Intelektualisme Raja Kita - Suluh Negara' bersempena Sambutan Hari Keputeraan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77 Tahun yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

>> Muka 2

## Bertaubat untuk mencapai kebahagiaan, tolak kemudarat

Oleh : Khartini Hamir

**BERAKAS**, Khamis, 23 November. – Cara terbaik untuk mencapai kebahagiaan dan kecermerlangan yang diharapkan dan menolak kemudarat, serta kesusahan yang hendak dihindari, sebagai orang Islam, kita perlu bertaubat.

Selain berusaha dengan bersungguh-sungguh, ia perlu disertai dengan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'alai untuk memohon pertolonganNya atau apa yang kita sebut sebagai munajat.

Perkara tersebut antara yang dinyatakan dalam kertas kerja bertajuk 'Kepentingan Taubat dalam Munajat' oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin

Haji Mat Dain @ Maidin pada hari pertama Seminar Majlis Ilmu 2023 yang berlangsung di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Manakala, Dekan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Profesor Dato Dr. Haji Zulkifly bin Muda, menyampaikan kertas kerja yang bertajuk 'Taubat Pemangkin Ketenteraman Hati: Satu Kajian Analitikal Terhadap Dimensi' yang mana dalam kertas kerjanya, beliau memfokuskan perbincangan kepada tiga aspek utama iaitu pengertian dan konsep taubat; dimensi taubat; dan faktor pendorong kepada amalan bertaubat.

>> Muka 11

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH  
**InfoDeptBN**

f Pelita Brunei @ pelitabrunei pelitabrunei

## Berita Utama



DUKUNG gagasan Negara Zikir

Muka 13



MEMPERKUKUH kerjasama  
bantuan undang-undang  
bersama

Muka 16



UTB, HARQ Enterprise meterai  
MoU

Muka 18



INSANI

Muka 27

# Munajat : Wasilah, jalan menuju taubat

## >> Muka 1

Dengan taubat juga, titah baginda, pintu rezeki dibuka dengan luas, rahmat dan nikmat turun secara berterusan dan punca kejayaan dunia dan akhirat. Dengan taubat juga berupaya memberikan ketenangan dan kesihatan mental serta menjauhkan daripada perasaan dukacita. Semua ini adalah janji Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana termaktub di dalam Al-Quran.

"Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, beta bersyukur kerana kita terus menerus istiqamah dengan cara kita sendiri menghadapi apa jua cabaran dan musibah, iaitu dengan amalan SOP ugama," titah baginda.

Baginda bertitah, inilah amalan dan tradisi kita orang-orang Brunei yang diwarisi sejak dahulu lagi, iaitu berupa memperbanyak bacaan Al-Quran seperti membaca Surah Yaa Siin, berzikir, berselawat, berdoa, melaksanakan Sembahyang Sunat Hajat dan membaca Doa Qunut Nazilah, membaca Ratib Al-'Attas dan



mengadakan Malam Munajat secara berterusan sehingga sekarang.

"Pada hemat beta, semua ini adalah berunsur taubat kerana munajat itu sendiri adalah wasilah dan jalan menuju taubat. Oleh itu, beta berseru, supaya kita terus-menerus mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala untuk meraih berkat dan rahmat-Nya," titah baginda lagi.

Terdahulu, baginda bertitah, Majlis Ilmu masih saja tetap relevan untuk diungkayahkan kerana ia telah banyak menyumbang dan mengongsikan pelbagai ilmu dan maklumat yang sangat bermanfaat kepada semua lapisan masyarakat di negara ini.

"Beta difahamkan, tema Majlis Ilmu tahun ini berbunyi 'Munajat Senegara Dengan Taubat'. Tema



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'dul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Perasmian Majlis Ilmu 2023 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

ini sangat signifikan untuk terus dibincangkan berdasarkan ilmu itu adalah amat luas, tidak ada sempadan," titah baginda.

Memperkatakan tentang munajat dan taubat, titah baginda, bawahu munajat bererti berdoa dan berzikir, manakala taubat pula ialah memohon ampun kepada Allah dan menyesali segala perbuatan dosa yang telah dilakukan dan berazam untuk tidak melakukannya lagi.

"Sebagai manusia biasa, kita tidak sunyi daripada melakukan kesalahan dan dosa, sehingga perlu untuk sentiasa bertaubat. Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda yang bermaksud, "Setiap anak Adam

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Mohammad Azmi Awang Damit

pasti melakukan kesalahan (dosa) dan sebaik-baik orang yang melakukan kesalahan (dosa) itu ialah orang-orang yang sentiasa bertaubat". - Hadis riwayat at-Tirmizi," titah baginda lagi.

Maka, titah baginda, adalah menjadi kewajipan bagi siapa yang melakukan kesalahan dan dosa, untuk segera bertaubat kepada Allah Subhanahu Wata'ala tanpa bertangguh, kerana peluang yang ada hari ini belum tentu ada pada hari esok.

Sebelum mengakhiri titah, baginda tidak lupa mengucapkan tahniah kepada pengarang dan

semua ahli jawatankuasa yang terlibat. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberkati segala usaha yang berkebajikan ini, Amin.

"Dengan lafaz Bismillahir Rahmani Rahim, Allahumma Shalli 'Alaa Sayyidinaa Muhammad, Wa 'Alaa Aalihi Wasabihee Wassalam, beta dengan suka cita melancarkan buku bertajuk 'Majlis Ilmu : Mercu Tanda Intelektualisme Raja - Suluh Negara' dan seterusnya merasmikan Majlis Ilmu 2023 berserta semua acara di dalamnya," baginda mengakhiri titah.

## WAKTU SEMBAHYANG

NOVEMBER MASIHI	JAM DI LAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK	
25	SABTU	11	4.39	4.49	6.11	6.35	12.08	3.30	6.03	7.17
26	AHAD	12	4.39	4.49	6.11	6.35	12.08	3.30	6.03	7.17
27	ISNIN	13	4.39	4.49	6.12	6.35	12.09	3.30	6.04	7.17
28	SELASA	14	4.40	4.50	6.12	6.36	12.09	3.31	6.04	7.18
29	RABU	15	4.40	4.50	6.12	6.36	12.09	3.31	6.04	7.18
30	KHAMIS	16	4.40	4.50	6.13	6.37	12.10	3.32	6.04	7.18
1	JUMAAT	17	4.41	4.51	6.13	6.37	12.10	3.32	6.05	7.19

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI



SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan		
32 °C	32 °C	32 °C
24 °C	24 °C	24 °C
Pekan Bangar		
32 °C	32 °C	32 °C
24 °C	24 °C	24 °C
Pekan Tutong		
32 °C	32 °C	32 °C
24 °C	24 °C	25 °C
Kuala Belait		
32 °C	32 °C	32 °C
24 °C	24 °C	24 °C
Wallahu alam Bissawab		

Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 25 NOVEMBER 2023

### Bersama membendung Kerintangan Antimikrob

**K**ERINTANGAN Antimikrob (Antimicrobial Resistance - AMR) merupakan salah satu isu kesihatan global terpenting yang perlu ditangani oleh semua pihak yang berkepentingan. Ia merupakan fenomena semulajadi yang berlaku apabila kuman seperti bakteria, virus, parasit dan kulat tidak lagi bertindak balas terhadap ubat antimikrob. Pemacu utama pertumbuhan kerintangan antimikrob ini adalah disebabkan oleh aktiviti manusia iaitu penyalahgunaan atau penggunaan berlebihan antimikrob dalam manusia, haiwan dan tumbuhan yang mengakibatkan peningkatan risiko jangkitan sukar atau mustahil untuk dirawat, risiko penyebaran penyakit, risiko menghidap penyakit teruk dan kematian pada skala seluruh dunia.

Sepertimana yang ditekankan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; dan Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid dalam perutusan bersama sempena Sambutan Minggu Kesedaran Rintangan Antimikrob Sedunia 2023, walaupun kerintangan antimikrob dirujuk sebagai pandemik 'senyap', namun hakikatnya penyebaran dan kesan AMR kerap dirasai dalam kesihatan manusia seperti pesakit yang paling terdedah (*vulnerable*) dan pekerja kesihatan.

Yang Berhormat Menteri-menteri turut mengongsikan bahawa pada tahun 2019, data global menunjukkan hampir 5 juta kematian dikaitkan dengan AMR, termasuk 1.27 juta kematian disebabkan secara langsung olehnya. Anggaran tersebut melebihi kadar kematian global akibat penyakit lain seperti gabungan HIV dan malaria.

Negara Brunei Darussalam juga tidak terkecuali, kesan AMR adalah realiti yang dihadapi setiap hari di hospital dan komuniti di mana terdapat beberapa jangkitan yang menunjukkan ciri rintangan terhadap kebanyakan antibiotik yang lazim digunakan.

Dalam usaha memerangi AMR, orang ramai boleh memainkan peranan mereka dengan memastikan sebarang rawatan antimikrob yang diambil, untuk manusia atau haiwan, hendaklah di bawah pengawasan doktor atau doktor haiwan, dan mengikut arahan yang diberikan.

Elakkan menggunakan ubat antimikrob apabila tiada jangkitan dan apabila ragu-ragu tentang rawatan jangkitan, untuk bertanya soalan mengenainya serta mengambil peranan aktif dalam kawalan dan pencegahan jangkitan dalam kedua-dua sektor kesihatan manusia dan haiwan termasuk elakkan atau hadkan keluar jika awda mempunyai simptom seperti selsema.

Ini termasuk dengan mengamalkan kebersihan tangan yang kerap iaitu dengan memastikan kebersihan adalah keutamaan untuk penyediaan dan pengambilan makanan dan air serta mendapatkan vaksinasi secara teratur untuk jangkitan tertentu, mengikut keadaan kesihatan masing-masing dan mematuhi amalan terbaik untuk mengawal dan mencegah jangkitan dalam kesihatan manusia dan haiwan.

Tanggungjawab bersama perlu digalas oleh semua pihak agar ubat antimikrob digunakan dengan betul dan selamat bagi menghentikan rintangan terhadap antibiotik, antivirus, antifungal dan antiparasit di negara ini. Marilah kita bersama sebarkan kesedaran dan jalankan tanggungjawab kita dalam membendung AMR. – Ketua Penyuntingan (Ad)

# BERANGKAT KE PERASMIAN MAJLIS ILMU 2023



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan berangkat ke Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2023 (atas kiri).

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Mohammad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin  
Mohd. Noor / Morshidi, Masri Osman, Mohammad  
Hatrul Hazmi Awang Abdul Hamid

**BERAKAS,** Khamis, 23 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2023 sempena Sambutan Hari

Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke-77 Tahun.

Majlis tersebut berlangsung pagi tadi di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini. Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Raja Isteri dijunjung oleh Pengerusi-Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2023 iaitu Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh; serta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Juga menjunjung keberangkatan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri



Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77; berserta isteri-isteri Penasihat dan Pengerusi-Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2023.

Berangkat sama paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah DYMM, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuar Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.



BERANGKAT sama paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuar Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.



TURUT berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah; Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah; Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam.



>> Muka 4



YANG Berhormat Mufti Kerajaan semasa membacakan Doa Selamat dan para jemputan mendahkan tangan semasa doa dibacakan (atas tengah dan atas). Manakala gambar kiri, antara yang hadir pada majlis ilmu berkenna. Sementara gambar atas kanan, Awang Haji Mohamad Zul-Hafiz bin Awang Tengah semasa membacakan Surah Al-Anbiyyaa, ayat 87 hingga 90.

# Berangkat ke Perasmian Majlis Ilmu 2023



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta kerabat diraja berkenan bergambar ramai.**



## >> Muka 3

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an daripada Surah Al-Anbiyya, ayat 87 hingga 90 yang disampaikan oleh Pegawai Pelajaran, Awang Haji Mohamad Zul-Hafiz bin Awang Tengah. Manakala kesimpulan ayat pula dibacakan oleh Pegawai Pelajaran, Awang Muhammad Adi Adham bin Ramelan.

Majlis disusuli dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned selaku Penasihat Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2023.

Dalam sembah alu-aluannya, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II antara lain menghuraikan, tema Majlis Ilmu pada tahun ini iaitu 'Munajat Senegara Dengan Taubat'.

"Tema ini merupakan kesinambungan tema Majlis Ilmu 2020 dan 2021 yang memberi fokus kepada aspek kesejahteraan, keamanan dan kesihatan.

"Tema tahun ini dinilai relevan dari sudut pengertian yang luas tentang taubat yang menganjurkan umat Islam untuk sentiasa bermunajat, berdoa dan memohon pertolongan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dalam apa juga keadaan yang menjelaskan kesejahteraan, keamanan dan kesihatan," sembah Yang Berhormat.

Tema berkenaan, sembah Yang Berhormat, mengetengahkan maksud dan kefahaman tentang konsep dan kepentingan munajat dengan taubat.

"Munajat bermaksud zikir dan doa dengan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala untuk mengharapkan keredaan, hidayah dan pertolonganNya," sembah Yang Berhormat.

"Taubat bererti sesal akan dosa dan kembali kepada Tuhan dengan meninggalkan segala laranganNya dan melaksanakan suruhanNya.

"Dengan taubat menjadi sebab tertolaknya bala bencana dan musibah, dan dengan taubat juga menjadi sebab datangnya kurnia rahmat dan rezeki daripada Allah Subhanahu Wata'ala," sembah Yang Berhormat.

Tambah Yang Berhormat dalam sembah alu-aluannya, amalan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala bukanlah suatu perkara yang asing di negara ini dan ia merupakan amalan kehidupan yang dilakukan oleh raja, rakyat dan

penduduk negara ini dari sejak berkuruin lamanya lagi.

"Kehidupan berugama dengan sentiasa berusaha mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala ini dipertingkatkan dan diperkuuhkan lagi dengan kepimpinan bijaksana lagi berdaulat Kebawah Duli Tuan Patik yang telah mengisyiharkan hasrat murni dan keazaman Kebawah Duli Tuan Patik dalam titah sempena sambutan Hari Raya Aidiladha pada 10 Zulhijah 1428 bersamaan 19 Disember 2007 untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah Negara Zikir yang sentiasa mengagungkan Allah Subhanahu Wata'ala supaya kita selalu berada dalam perhatian dan pemeliharaanNya," sembah Yang Berhormat.

Kebawah DYMM kemudian berkenan mengurniakan titah Perasmian Majlis Ilmu 2023 dan seterusnya melancarkan Buku 'Majlis Ilmu: Mercu Tanda Intelektualisme Raja Kita – Suluh Negara', diikuti dengan sebuah tayangan video mengenai perisian buku tersebut.

Buku Majlis Ilmu itu menghimpunkan sejarah-sejarah Majlis Ilmu semenjak ia dianjurkan pada tahun 2004 dan dihasratkan untuk dijadikan sebagai tanda intelektualisme pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, serta menumpukan usaha baginda untuk menyebarkan ilmu secara pembelajaran sepanjang hayat kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, termasuk dalam isu-isu penting seperti keselamatan makanan dan kesihatan mental.

Buku ini juga antara lain

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Mohammad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morschidi, Masri Osman, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima pesambahan.**

menerangkan mengenai Dasar Majlis Ilmu sebagai mercu tanda intelektualisme, wawasan dan pandangan jauh Kebawah Duli Yang Maha Mulia; perkembangan Majlis Ilmu sebagai memelihara intelek ummah dalam memperkasa Maqasid Shariah; dan tema-tema Majlis Ilmu yang membentuk dasar dan menyumbang pelbagai ilmu pengetahuan.

Majlis diteruskan dengan Ceramah Khas bertajuk 'Munajat Senegara Dengan Taubat' yang disampaikan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dijunjung bagi sesi bergambar ramai dan menghadiri Majlis Santap.

Majlis Ilmu akan diteruskan lagi dengan Forum Perdana Majlis Ilmu 2023 pada 25 November dan Ceramah Perdana Majlis Ilmu 2023 pada 27 November ini.

menyaksikan Pameran Majlis Ilmu 2023.

Pameran tersebut antara lain mengetengahkan kepentingan dalam mengamalkan munajat termasuk pengertian dan konsep munajat berkaitan dengan taubat; serta tatacara dan gaya hidup sihat dalam Islam.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dijunjung bagi sesi bergambar ramai dan menghadiri Majlis Santap.

Majlis Ilmu akan diteruskan lagi dengan Forum Perdana Majlis Ilmu 2023 pada 25 November dan Ceramah Perdana Majlis Ilmu 2023 pada 27 November ini.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima junjung ziarah. Manakala gambar tengah, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II semasa menyampaikan sembah alu-aluan. Sementara gambar kanan, sebahagian daripada para jemputan majlis berkenaan.**

# PAMERAN KETENGAHKAN KEPENTINGAN, MENGAMALKAN MUNAJAT

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Masri Osman, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan berangkat menyaksikan pameran-pameran tersebut bersama kerabat diraja (atas dan kiri).



**BERAKAS**, Khamis, 23 November. - Pameran Majlis Ilmu 2023 mengetahui kepentingan dalam mengamalkan munajat termasuk pengertian dan konsep munajat berkaitan dengan taubat serta tatacara dan gaya hidup sihat dalam Islam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat menyaksikan pameran-pameran tersebut bersama kerabat diraja.

Pameran tersebut adalah bersempena dengan Majlis Ilmu

2023 yang diadakan bagi meraikan lagi Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77 Tahun.

Pameran berkenaan adalah terbuka bagi kunjungan orang ramai bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini. Sebanyak empat ruangan terdapat pada pameran yang berlangsung selama enam hari bermula hari ini hingga Rabu, 29 November 2023.

Ruangan Pertama memperkenalkan mengenai konsep dan kepentingan munajat serta kaitannya dengan taubat.

Pengisian ruangan ini disertai oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU); Pusat Da'wah Islamiah (PDI) dan Jabatan Mufti Kerajaan.

Pemeran KHEU menjelaskan secara ringkas tugas dan tanggungjawab Bahagian Kemajuan Syiar Islam selaku Urus Setia Majlis-majlis Hari-hari Kebesaran Islam dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan serta acara atau aktiviti iringan bersempena Hari-hari Kebesaran Islam.

PDI memperjelaskan mengenai pelaksanaan Malam Munajat anjuran KHEU dengan pengisiannya, juga dipamerkan

Kod QR buku-buku terbitan PDI yang berkaitan dengan tema sambutan Majlis Ilmu dan penjelasan mengenai pembinaan Projek Aplikasi Mushaf Brunei.

Jabatan Mufti Kerajaan pula memaparkan dua bahan berbentuk video iaitu sedutan video yang diambil daripada tiga buah ceramah Yang Berhormat Mufti Kerajaan mengenai taubat. Juga turut dipaparkan mengenai Fatwa Mufti Kerajaan mengenai arak, rokok dan Jenayah Syar'iah.

Ruangan Kedua pula mengetahui mengenai dasar kerajaan yang mendukung amalan munajat dan kaitannya dengan taubat. Ruangan ini disertai oleh Radio Televisyen Brunei (RTB); Jabatan Penerangan; Pusat Sejarah Brunei (PSB) dan Kementerian Pertahanan.

RTB dan Jabatan Penerangan memaparkan usaha-usaha yang mendukung dasar / inisiatif / amalan yang mencerminkan kepimpinan dan keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kerajaan baginda dalam aspek pembarigan yang dilaksanakan melalui pelbagai platform seperti RTB melalui saluran TV dan radio, laman media sosial dan aplikasi mudah alih RTBGo.

>> Muka 6



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan pameran ruangan pertama yang disertai oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU); Pusat Da'wah Islamiah (PDI) dan Jabatan Mufti Kerajaan (atas kiri dan bawah kanan).



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama rakyat. Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah (kiri dan atas tengah).


**>> Muka 5**

Manakala Jabatan Penerangan menerusi akhbar rasmi kerajaan Pelita Brunei, laman media sosial di Instagram, Facebook dan lain-lain serta aplikasi mudah alih InfoDeptBN.

PSB mengetengahkan mengenai sejarah perkembangan dasar kerajaan dalam mendukung amalan munajat dan kaitannya dengan taubat. Antara bahan yang dipaparkan, Menelurusi Sejarah Pemerintahan dan Pentadbiran Sultan-sultan Brunei yang berpegang teguh dengan ajaran agama Islam, memelihara, memartabatkan, mendaulatkan agama Islam, mengembangkan syiar Islam dan menjadikannya sebagai amalan dan cara hidup yang syumul.

Kementerian Pertahanan memaparkan empat segmen iaitu Segmen 'Halqaah Juma'at', program utama mingguan di dalam kementerian tersebut yang melibatkan kesemua warga

kementerian (awam dan tentera) yang dilaksanakan di kesemua surau-surau perkhemahan secara serentak; Segmen Kedua, Malam Munajat, merupakan hasil usaha sama menyokong amalan munajat pada peringkat negara; Segmen Ketiga, Kursus-kursus dan Kelas Agama.

Segmen Terakhir, Perisian Ugama Secara Rutin. Sebagai salah satu usaha dalam mendapatkan keberkatan dari-Nya, Kementerian Pertahanan dari semasa ke semasa akan memastikan untuk menerapkan nilai-nilai keagamaan didalam setiap operasi dan pekerjaan harian.

Ruangan Ketiga memaparkan Doa Taubat dan Zikir Munajat. Menyertai ruangan ini, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), KHEU; Kementerian Pendidikan; Jabatan Pengajian Islam (JPI) dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB).

JHEM menerangkan dan menayangkan video mengenai

panduan Sembahyang Sunat Taubat serta bacaan-bacaan zikir sembahyang sunat taubat dan doanya.

Kementerian Pendidikan mengongsikan pelaksanaan mata pelajaran Al-Quran di sekolah-sekolah menengah / maktab kerajaan dan swasta. Pada menjunjung titah Kebawah DYMM pada Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan pada 14 Februari 2019.

Kementerian Pendidikan dengan kerjasama KHEU telah melaksanakan mata pelajaran Al-Quran di sekolah menengah / maktab kerajaan dan swasta bermula pada tahun 2021.

Dalam pada itu, peruntukan waktu pelaksanaan bagi mata pelajaran Al-Quran sebagai satu mata pelajaran yang tersendiri ialah satu waktu (25-30 minit) seminggu. Mata pelajaran Al-Quran adalah bagi semua pelajar yang beragama Islam yang menuntut di dalam Tahun 9, 10 dan 11.

JPI melalui Bahagian Kokurikulum mengendalikan 'Program Keagamaan Senegara' sejak tahun 2013. Program berkenaan dihasratkan bukan hanya mengasuh minda para pelajar bahkan juga berperanan untuk membentuk sahsiah terpuji para pelajar dan berakhlik mulia melalui penglibatan mereka secara menyeluruh beserta komitmen yang tinggi terhadap segala aktiviti yang dilaksanakan.

Sementara itu, ITQSHHB menampilkan penyediaan klinik bacaan surah-surah, zikir-zikir dan doa-doa yang berkaitan dengan munajat dan taubat.

Ruang Keempat memaparkan mengenai kepentingan dan tatacara gaya hidup sihat dalam Islam. Ruangan disertai oleh Kolej



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik and Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan melawat salah satu petak Pameran Majlis Ilmu 2023.



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mendengarkan sembah penerangan semasa melawat Pameran Majlis Ilmu 2023 (kiri atas).

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Masri Osman, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat diraja berkenan mendengarkan sembah penerangan mengenai salah satu produk yang dipamerkan pada Pameran Majlis Ilmu 2023.

Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB); Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Kementerian Kesihatan.

KUPU SB mengongsikan makanan yang dianjurkan dalam Islam serta penerangan mengenainya. Pameran ini memaparkan gambar-gambar makanan sunnah. Setiap gambar disertakan dengan 'Augmented Reality Marker' yang apabila diimbas akan memaparkan khasiat setiap makanan berkenaan menurut sains.

Pameran KKBS bertemakan 'Hidup Sihat, Berbudaya dan Bermasyarakat' yang mempromosikan kesedaran tentang kehidupan sihat,



bermasyarakat dan berbudaya dalam kalangan masyarakat Brunei.

Pameran menggabungkan elemen seni dan kebudayaan dalam usahanya untuk mempromosikan kehidupan sihat yang seimbang, sambil memberikan peluang kepada pengunjung untuk berinteraksi menggunakan platform galerisenibrunei.org.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah berkenan menyaksikan pameran - pameran Majlis Ilmu 2023.

# ISTIADAT MENGURNIAKAN TAULIAH MANTERI HULUBALANG SEMPURNA DILAKSANAKAN



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi menyempurnakan Istiadat Mengurniakan Tauliah Manteri Hulubalang yang berlangsung di Surau Istana Nurul Iman.

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 22 November. - Istiadat Mengurniakan Tauliah Manteri Hulubalang diadakan hari ini bagi lima orang lagi penerima.

Berkenan berangkat ke istiadat tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menyempurnakan Istiadat

Mengurniakan Tauliah Manteri Hulubalang yang berlangsung di Surau Istana Nurul Iman, di sini.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen didahului oleh dua orang Hulubalang, iaitu Hulubalang Diraja yang membawa Pemuras dan Karga dan Hulubalang Asgar yang membawa Kelasak dan Kampilan serta diiringi oleh Alat-alat Perhiasan Empat.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya dijunjung oleh Yang

Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar.

Istiadat dimulakan dengan Istiadat Mengurniakan Tauliah Manteri Hulubalang kepada Lans Koperal 3311 Awang Sahiran bin Pengarah Haji Abdullah Sunny menjadi Damong yang diapit di sebelah kiri oleh Pengarah Awang Jaini bin Haji Mahmud serta seorang Awang-Awang

membawa Gangsa Sireh masuk mengadap dan duduk di tempat yang dikhaskan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Awang Mohd. Yusof mengadap dan menyembahyang ke hadapan majlis DYTM bahawa Istiadat Pengurniaan Tauliah Manteri Hulubalang kepada Lans Koperal 3311 Awang Sahiran telah siap sedia.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan kemudiannya menjunjung anugeraha balik ke tempat duduknya.

Seterusnya, Hulubalang Asgar Awang Ahmad bin Haji Masri menjunjung anugeraha dan diikuti dengan Begawan Mudim Awang Haji Mat Salleh bin Haji Damit menjunjung anugeraha serta dua orang Awang-Awang, seorang membawa Gangsa yang berisi Tauliah dan seorang membawa Gangsa Kurnia Persalinan.

Hulubalang Asgar Awang Ahmad kemudiannya menjunjung anugeraha lalu menapakkan Gangsa Sireh di bahu kanan dan kiri seterusnya di atas kepala Lans Koperal 3311 Awang Sahiran.

Selesai menapakkan Gangsa Sireh, Begawan Mudim Awang Haji Mat Salleh menjunjung anugeraha dan terus membacakan Tauliah dan dari itu Lans Koperal 3311 Awang Sahiran dianugerahkan gelaran sebagai Damong Awang Sahiran.

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Abdul Hamid.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Mohd. Yusof mengadap dan menyembahyang ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen bahawa Istiadat Pengurniaan Tauliah Manteri Hulubalang kepada Lans Koperal 3311 Awang Sahiran bin Pengarah Haji Abdullah Sunny telah siap sedia (atas). Manakala gambar bawah kiri, antara jemputan-jemputan khas pada majlis tersebut. Sementara gambar bawah kanan, sekitar suasana majlis Istiadat Mengurniakan Tauliah Manteri Hulubalang yang berlangsung di Surau Istana Nurul Iman.



>> Muka 8



Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

#### >> Muka 7

Damong Awang Sahiran kemudian menjunjung anugeraha dan keluar daripada majlis diikuti oleh Pengarah Awang Jaini, Begawan Mudim Awang Haji Mat Salleh serta Awang-Awang yang membawa Gangsa Sireh, Tauliah dan Kurnia Persalinan.

Damong berperanan menjadi pembantu kepada Pateh mengapalai pasukan Sinipit dan menjadi ketua pembarigaan dan bertanggungjawab menjadi pengawas pemasangan Alat Perhiasan Diraja untuk sesuatu istiadat.

Istiadat kemudiannya diteruskan lagi dengan pengurniaan Tauliah Manteri Hulubalang kepada Awang Mohammad Zul-Azfar bin Abbas menjadi Pengarah.

Awang Mohammad Zul-Azfar masuk mengadap dengan diapit di sebelah kiri oleh Orang Kaya Kesuma Awang Haji Md. Yunos bin Haji Kamis serta seorang Awang-Awang membawa Gangsa Sireh masuk mengadap dan duduk di tempat yang dikhaskan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan mengadap dan menyembahkan ke hadapan majlis DYTM bahawa Istiadat Mengurniakan Tauliah kepada Awang Murni menjadi Pengarah telah siap sedia dan seterusnya DYTM memperkenankan untuk istiadat dimulakan.

Pengarah Awang Haji Brahim@Momin bin Haji Mohd. Yusof kemudian menjunjung anugeraha, dan diikuti oleh Begawan Mudim Awang Haji Ahmad Kasra bin Haji Ibrahim menjunjung anugeraha serta dua orang Awang-Awang, seorang membawa Gangsa yang berisi Tauliah dan seorang membawa Gangsa Kurnia Persalinan.

Pengarah Awang Haji Brahim@Momin kemudiannya menjunjung anugeraha lalu menapakkan Gangsa Sireh di bahu kanan dan kiri seterusnya di atas kepala Awang Mohammad Zul-Azfar dan selesai, Begawan Mudim Awang Haji Ahmad Kasra menjunjung anugeraha dan

**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan menerima mengadap pada majlis berkenaan.**

dalam perkara yang berhubung dengan istiadat.

Istiadat kemudian diteruskan lagi dengan pengurniaan Tauliah Manteri Hulubalang kepada Awang Haji Mohammad Fadzirol Azrisah bin Pengarah Haji Mokti menjadi Pengarah.

Awang Haji Mohammad Fadzirol Azrisah masuk mengadap dengan diapit di sebelah kiri oleh Orang Kaya Kaya Awang Haji Nordin bin Haji Arsad serta seorang Awang-Awang membawa Gangsa Sireh masuk mengadap dan duduk di tempat yang dikhaskan.

Setelah bacaan Tauliah dilaksanakan, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mat Jaya bin Ibrahim.

Pengarah Awang Mohammad Zul-Azfar kemudian menjunjung anugeraha dan keluar daripada majlis diikuti oleh Orang Kaya Kesuma Awang Haji Md. Yunos, Begawan Mudim Awang Haji Ahmad Kasra serta Awang-Awang yang membawa Gangsa Sireh, Tauliah dan Kurnia Persalinan.

Antara tanggungjawab Pengarah ialah menjadi penyambung lidah bagi menjunjung dan menyampaikan titah dan sabda kepada manteri

**ISTIADAT dimulakan dengan Istiadat Mengurniakan Tauliah Manteri Hulubalang kepada Lans Koperal 3311 Awang Sahiran bin Pengarah Haji Abdullah Sunny menjadi Damong.**

Pengarah telah siap sedia dan DYTM memperkenankan untuk istiadat dimulakan.

Seterusnya, Pengarah Awang Haji Kilali bin Haji Abd. Rahman menjunjung anugeraha dan diikuti oleh Begawan Mudim Awang Haji Tamim bin Haji Puting menjunjung anugeraha serta dua orang Awang-Awang, seorang membawa Gangsa yang berisi Tauliah dan seorang membawa Gangsa Kurnia Persalinan.

Pengarah Awang Haji Kilali kemudian menjunjung anugeraha lalu menapakkan Gangsa Sireh di bahu kanan dan kiri seterusnya di atas kepala Awang Haji Mohammad Fadzirol Azrisah.

Begawan Mudim Awang Haji Tamim kemudian menjunjung anugeraha lalu membacakan Tauliah dan dari itu Awang Haji Mohammad Fadzirol Azrisah dianugerahkan gelaran sebagai Pengarah Awang Haji Mohammad Fadzirol Azrisah.

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustapa bin Haji Murad.

Pengarah Awang Haji Mohammad Fadzirol Azrisah kemudian menjunjung anugeraha dan keluar daripada majlis diikuti oleh Orang Kaya Kaya Awang Haji Nordin, Begawan Mudim Awang Haji Suhaili serta Awang-Awang yang membawa Gangsa Sireh, Tauliah dan Kurnia Persalinan.

Pengarah juga berperanan menjadi pengawas kepada pemasangan Alat Perhiasan Diraja untuk sesuatu istiadat.

Istiadat seterusnya diikuti dengan Istiadat Pengurniaan Tauliah Manteri Hulubalang kepada Awang Mohamed Hazreen bin Pateh Dato Paduka Haji Masri menjadi Pengarah.

#### >> Muka 9



**ISTIADAT** kemudiannya diteruskan lagi dengan pengurniaan Tauliah Manteri Hulubalang kepada Awang Mohammad Zul-Azfar bin Abbas menjadi Pengarah (atas kanan), diikuti dengan Istiadat pengurniaan Tauliah Manteri Hulubalang kepada Awang Haji Mohammad Fadzirol Azrisah bin Pengarah Haji Mokti menjadi Pengarah (atas kiri).



**ISTIADAT** Pengurniaan Tauliah Manteri Hulubalang kepada Awang Mohamed Hazreen bin Pateh Dato Paduka Haji Masri menjadi Pengarah (atas kiri). Manakala gambar atas kanan, Istiadat Pengurniaan Tauliah Manteri Hulubalang kepada Awang Haji Saidin bin Haji Pudin menjadi Juru Laki.



>> Muka 8

Awang Mohamed Hazreen masuk mengadap dengan diapit di sebelah kiri oleh Orang Kaya Kesuma Awang Haji Md. Yunos serta seorang Awang-Awang membawa Gangsa Sireh masuk mengadap dan duduk di tempat yang dikhaskan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan mengadap dan menyembahkan ke hadapan majlis DYTM bahawa Istiadat Mengurniakan Tauliah kepada Awang Mohamed Hazreen menjadi Pengarah telah siap sedia dan DYTM memperkenankan untuk istiadat dimulakan.

Seterusnya, Pengarah Awang Haji Brahim@Momin menjunjung anugeraha dan diikuti oleh Begawan Mudim Awang Haji Suhaili bin Haji Kalong menjunjung anugeraha serta dua orang Awang-Awang, seorang membawa Gangsa yang berisi Tauliah dan seorang membawa Gangsa Kurnia Persalinan.

Pengarah Awang Haji Brahim@Momin kemudiannya menjunjung anugeraha lalu menapakkan Gangsa Sireh di bahu kanan dan kiri seterusnya di atas kepala Awang Mohamed Hazreen diikuti dengan Begawan Mudim Awang Haji Suhaili menjunjung anugeraha dan terus membaca Tauliah.

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz.

Pengarah Awang Mohamed Hazreen kemudian menjunjung anugeraha dan keluar daripada majlis diikuti oleh Orang Kaya Kesuma Awang Haji Md. Yunos, Begawan Mudim Awang Haji Suhaili serta Awang-Awang yang membawa Gangsa Sireh, Tauliah dan Kurnia Persalinan.

Antara lain, Pengarah juga berperanan mendengar perkurapat orang ramai mengenai hal ehwal negara terutama kesentosaan dan keselamatan negara serta membuat penyelidikan mengenai masalah berkaitan dengannya untuk disembahtkan kepada sultan sebagai nasihat.

Istiadat diikuti dengan Istiadat Tauliah Manteri Hulubalang kepada Awang Haji Saidin bin Haji Pudin menjadi Juru Laki.

Awang Haji Saidin masuk mengadap dengan diapit di sebelah kiri oleh Awang Sahrol bin Awang Ismail serta seorang Awang-Awang membawa Gangsa Sireh masuk mengadap dan duduk di tempat yang dikhaskan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan mengadap dan menyembahkan ke hadapan majlis DYTM bahawa Istiadat Mengurniakan Tauliah kepada Awang Haji Saidin menjadi Juru Laki telah siap sedia dan DYTM memperkenankan untuk istiadat dimulakan.

Seterusnya, Ketua Juru Laki Awang Haji Johan Areffen bin Hassan menjunjung anugeraha dan diikuti oleh Begawan Mudim Awang Haji Amran bin Haji Md.

DYTM menadahkan tangan semasa Doa Selamat dibacakan.

Salleh menjunjung anugeraha serta dua orang Awang-Awang, seorang membawa Gangsa yang berisi Tauliah dan seorang membawa Gangsa Kurnia Persalinan.

Ketua Juru Laki Awang Haji Johan Areffen kemudiannya menjunjung anugeraha lalu menapakkan Gangsa Sireh di bahu kanan dan kiri seterusnya di atas kepala Awang Haji Saidin.

Sejurus itu, Begawan Mudim Awang Haji Amran menjunjung anugeraha dan terus membaca Tauliah, diikuti dengan bacaan Doa Selamat yang dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang.

Juru Laki Awang Haji Saidin kemudian menjunjung anugeraha dan keluar daripada majlis diikuti oleh Awang Sahrol, Begawan Mudim Awang Haji Amran serta Awang-Awang yang membawa Gangsa Sireh, Tauliah dan Kurnia Persalinan.

Juru Laki berperanan menjadi pembantu kepada Ketua Juru Laki dan bertanggungjawab di atas kesempurnaan Naubat dan Gendang Jaga-Jaga Diraja.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan seterusnya mengadap dan



menyembahkan ke hadapan majlis DYTM bahawa Istiadat Pengisytiharan Kenaikan Pangkat Gelaran dan Istiadat Mengurniakan Tauliah Manteri Hulubalang telah sempurna dilaksanakan.


DYTM berangkat dari majlis didahului oleh dua orang Hulubalang, iaitu Hulubalang Diraja yang membawa Pemuras dan Karga dan Hulubalang Asgar yang membawa Kelasak dan Kampilan serta diiringi oleh Alat-alat Perhiasan Empat.

Istiadat Mengurniakan Tauliah Manteri Hulubalang ini buat julung kalinya diadakan di Istana Nurul Iman dan daripada upacara seumpama ini mencerminkan keunikan adat yang masih lagi diperlakukan di Negara Brunei Darussalam.

Darussalam dari segi mengekalkan gelaran yang sedia ada dari dahulu sehingga sekarang meskipun pada era zaman moden ini.

Selain itu juga, adat kebruneian ini dapat kita saksikan adalah bersendikan hukum syarak antaranya adanya bacaan Doa Selamat agar dirahmati dan mengutamakan kesetiaan kepada raja yang kita kasih.

Antara majlis yang melibatkan Manteri-manteri Hulubalang termasuk Istiadat Berpuspa, Istiadat bagi Memperingati Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Istiadat Mengurniakan Gelaran dan Istiadat Perkahwinan Diraja.



**DOA Selamat masing-masing dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Abdul Hamid; Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mat Jaya bin Ibrahim; Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustapa bin Haji Murad; Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz dan Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang.**



**PARA jemputan yang menghadiri Istiadat Mengurniakan Tauliah Manteri Hulubalang menadahkan tangan ketika doa dibacakan (atas dan kiri).**

# PROGRAM ANTARABANGSA 'SHARE LEARN GROW' PPPBD TAHUN 2023 DIRASMIKAN



**YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah berkenan mengurniakan sabda perasmian.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 24 November. – Seramai 210 orang peserta terdiri daripada sembilan buah negara iaitu, Negara Brunei Darussalam selaku tuan rumah, Bangladesh, Kemboja, India, Malaysia, Maldives, Pakistan, Republik Filipina dan Republik Singapura menyertai Program Antarabangsa 'Share Learn Grow' Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) Tahun 2023.

Majlis Perasmian Program Antarabangsa 'Share Learn Grow' PPPBD Tahun 2023 diadakan pagi tadi di Dewan Serbaguna, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di sini.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat dan menyempurnakan Perasmian Program Antarabangsa 'Share Learn Grow' PPPBD Tahun 2023.

Keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah dijunjung oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Hajah Viviyanti binti Haji Md. Ali, selaku Pengerusi Program Antarabangsa Program Antarabangsa 'Share Learn Grow' PPPBD Tahun 2023.

Sejurus keberangkatan tiba, nyanyian lagu kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dimainkan, dan disusuli dengan Doa kesyukuran dipimpin oleh Pesuruhjaya Kerohanian PPPBD, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Abdul Ghani.

Selepas itu disembahkan dengan nyanyian World Association of Girl Guides and Girl Scouts (WAGGGS) World Song dan Asia Pacific Song.

Pada majlis tersebut, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah berkenan mengurniakan sabda perasmian yang antara lain mengingatkan bahawa kehadiran para peserta mencerminkan kapasiti mereka mengumpulkan wanita dan remaja perempuan bersama-sama dalam memupuk suasana di Brunei Darussalam.

"Saya berharap para peserta semua akan menikmati penginapan yang sangat menyeronokkan dan dipenuhi dengan pengalaman bermakna serta mencipta kenangan yang



**YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah berkenan berangkat dan menyempurnakan Perasmian Program Antarabangsa 'Share Learn Grow' PPPBD Tahun 2023. Manakala gambar bawah kiri, antara peserta yang hadir pada program berkenaan.**

berkekalan. Semoga ini juga memberi awda peluang untuk meluaskan pandangan, mempelajari tentang budaya yang berbeza dan membina persahabatan yang kukuh dan sepanjang hayat," sabda Yang Teramat Mulia lagi.

Terdahulu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Hajah Viviyanti dalam sembah alu-aluannya yang antara lain menyembahkan bahawa komitmen PPPBD adalah untuk memimpin wanita dan remaja perempuan ke arah menjadi warga global yang bertanggungjawab dan dinamik selaras dengan motonya 'Be Prepared'.

Ini jelasnya juga adalah pengiktirafan dalam kepimpinan bagi membimbang Pandu Puteri adalah lebih daripada peranan tetapi ia adalah peluang untuk wanita dan remaja perempuan kita untuk menimba ilmu, membina keyakinan dan memperoleh kemahiran baharu.

Justeru, dalam meraikan 70 tahun Pandu Puteri di Brunei, PPPBD tambahnya, merenung tentang petua dan pembelajaran yang mendalam yang tertanam dalam teras pergerakan mereka.

Sementara itu, Ahli World Board WAGGGS, Dr. Sharrada Segeran dalam ucaptamanya menyatakan bahawa, kepimpinan wanita terus kurang diwakili di seluruh dunia, di mana

**Oleh : Nooratin Haji Abas**  
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit**

undang-undang, struktur dan amalan yang bersifat diskriminasi bertindak sebagai penghalang dalam hal kepimpinan wanita.

Menurut beliau, remaja perempuan khususnya menghadapi masalah yang teruk. Mereka bukan sahaja menghadapi diskriminasi kerana jantina mereka tetapi juga umur mereka.

"Remaja perempuan berjuang untuk mencapai potensi penuh mereka sebagai pemimpin kerana jurang kritis dalam pembentukan, sumber untuk pendidikan, pembangunan kemahiran dan bimbingan. Terdapat jurang yang besar yang perlu dirapatkan. Dan itulah yang telah dilakukan oleh Persatuan Pandu Puteri Brunei melalui acara ini," sempohnya lagi.

Justeru itu, Dr. Sharrada Segeran berharap akan dapat melihat lebih ramai wanita dan remaja perempuan meningkatkan peranan kepimpinan dan tadbir urus mereka di semua peringkat masyarakat.

Kemudian, majlis diteruskan dengan tayangan video 'Share Learn Grow'.

Program Antarabangsa 'Share Learn Grow' anjuran PPPBD Tahun 2023 diadakan dari 22 November hingga 27 November

2023 bertempat di Mulia Hotel, Anggerik Desa, Berakas.

Tujuan program antarabangsa ini adalah untuk mempromosi kerjasama dan kolaborasi dalam persekitaran yang sihat dan selamat, menyokong agenda matlamat pembangunan mampan, merangsang kerjasama dan kepimpinan antara generasi serta mengenali Negara Brunei Darussalam secara lebih dekat.

Pelbagai bengkel, pembentangan dan aktiviti telah dirancang bagi pengisian bermanfaat untuk peserta-peserta program antarabangsa ini. Antaranya ialah Forum Kepimpinan Antara Generasi, Pembentangan dan Bengkel Perancangan Strategik, Acara Penanaman Pokok dan lawatan ke tempat-tempat menarik di Daerah Tutong dan Bandar Seri Begawan.

Antara yang hadir pada majlis tersebut ialah Naib Yang Di-Pertua Sepanjang Hayat PPPBD, Datin Paduka Hajah Zaharah binti Haji Idris, Datin Hajah Masni binti Haji Mohammad Ali; Pengerusi / Chair Asia Pacific Regional Committee WAGGGS, Cempaka Emalin Pahamin dan Sukarelawan WAGGGS, Dato Jeyadhevi Subramaniam.



## Bincang isu kepentingan, keprihatinan bersama

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-majlis Mesyuarat**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 22 November. – Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, hari ini menerima kunjungan hormat daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Azerbaijan Yang Tidak Menetap ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Irfan Shakir Oglu Davudov.

Pertemuan berkenaan merupakan yang pertama kali diadakan antara kedua-dua pihak

dengan menumpukan kepada perbincangan mengenai isu-isu yang menjadi kepentingan dan keprihatinan bersama.

Kedua-dua pihak melahirkan rasa simpati terhadap keadaan yang berlaku terhadap saudara-saudara Islam pada masa ini disebabkan oleh krisis politik negara-negara yang terbabit.

Kedua-duanya juga berharap dengan adanya perpaduan dan solidariti antara negara-negara Islam dapat memberikan semangat kerjasama dalam sama-sama menangani isu-isu

berkenaan.

Tuan Yang Terutama turut merakamkan rasa penghargaan atas hubungan persahabatan dan sokongan yang diberikan oleh NBD sejak Republik Azerbaijan mencapai kemerdekaannya.

Republik Azerbaijan juga menghargai dukungan yang diberikan oleh Majlis Mesyuarat Negara kerana mempersetujui Majlis Milli (Dewan Parlimen Republik Azerbaijan) sebagai negara dialog kepada ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA).

Diharapkan melalui platform berkenaan akan dapat lagi memperluaskan bidang-bidang



**YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara semasa menerima kunjungan hormat daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Azerbaijan Yang Tidak Menetap ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Irfan Shakir Oglu Davudov.**

kerjasama rantau antarabangsa. Turut hadir semasa Kunjungan Hormat berkenaan ialah Pemangku Setiausaha Majlis Menteri-menteri

Kabinet & Pemangku Jurutulis Majlis-majlis Mesyuarat, Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah.

# TERIMA KUNJUNGAN HORMAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN MALAYSIA



Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Hamzah Mohidin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 23 November. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menerima kunjungan hormat daripada Mufti Wilayah Persekutuan Malaysia, Yang Berbahagia Sahibus Samahah Datuk Profesor Madya Dr. Luqman

BERITA  
NATION

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menerima kunjungan hormat daripada Mufti Wilayah Persekutuan Malaysia.

bin Haji Abdullah.

Kunjungan Hormat berlangsung di Bilik Dhiyafah, Tingkat 5, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Dewan Majlis.

Turut hadir pada Kunjungan Hormat tersebut, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Abd Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Yang Berbahagia Mufti Wilayah Persekutuan Malaysia sedang berada di Negara Brunei Darussalam selaku ahli panel jemputan dari luar negara bagi Forum Perdana Majlis Ilmu 2023 yang akan diadakan pada hari Sabtu, 25 November 2023 di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

## Bertaubat untuk mencapai kebahagiaan, tolak kemudarat



Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Dk. Nur Haflah Pg. Osman



MAJLIS ILMU 2023

>> Muka 1

Seterusnya, 'Munajat dan Taubat: Kedekatan Spiritual dan Kepentingannya' adalah tajuk bagi kertas kerja yang disampaikan oleh Penolong Kanan Profesor, Pusat Penyelidikan dan Pengajaran Jawi dan Kitab Turath, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Harapandi bin Dahri.

Antara inti pati yang dapat diambil dalam pembentangan tersebut adalah di antara amalan yang berlaku dalam munajat ialah merenungkan dosa-dosa mereka, mengungkapkan penyesalan, memohon pengampunan, dan mengungkapkan keperluan mereka kepada Allah.

Munajat dan taubat terangnya, adalah dua konsep penting dalam Islam yang memiliki kaitan erat satu sama lain, dan ketika seseorang melakukan munajat sebagai

bagian dari taubat, mereka menciptakan kesempatan untuk merenungkan kesalahan mereka, memohon pengampunan Allah, dan menegaskan komitmen untuk hidup lebih baik sesuai dengan ajaran agama.

Seminar Majlis Ilmu 2023 anjuran Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), diadakan pada 23, 27 dan 28 November 2023 bertempat di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Sebanyak 14 pembentangan kertas kerja disampaikan oleh panel-panel terdiri daripada pakar-pakar dalam pelbagai bidang keilmuan Islam dan pendidikan di Negara Brunei Darussalam yang akan membincangkan mengenai tajuk-tajuk yang berkaitan dengan tema Majlis Ilmu.

Pada hari pertama Seminar Majlis Ilmu 2023 membincangkan sub tema 'Pengenalan Mengenai Konsep dan Kepentingan Munajat dan Kaitannya dengan Taubat.'

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr.

Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Turut hadir Timbalan-timbalan Menteri; Setiausaha-setiausaha Tetap; Rektor UNISSA; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap; Ketua-Ketua Jabatan; Pegawai dan kakitangan dari pelbagai kementerian dan jabatan.

Seminar tersebut turut dibuka kepada pegawai dan kakitangan dari pelbagai kementerian dan agensi swasta serta orang awam yang berminat.

'Munajat Senegara Dengan Taubat' merupakan tema bagi Majlis Ilmu 2023 sejak ia diadakan pada 2004, di mana melalui Majlis Ilmu ini juga telah banyak menyumbang pelbagai ilmu pengetahuan kepada rakyat dan penduduk negara ini dengan tema-tema tertentu.

Majlis Ilmu merupakan mercu tanda kepimpinan intelektual dan dinamik Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang merupakan wadah berterusan di dalam memberi dan menyajikan ilmu berserta maklumat yang bermakna dan bermanfaat kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada hari pertama Seminar Majlis Ilmu 2023 (atas). Manakala gambar kiri, para ahli panel pada hari pertama seminar berkenaan.

**Jangan Memandu Laju Sentiasa Berwaspada**

#YOUandME

**Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA**

- Always Wear a seatbelt
- No mobile phones while driving
- Speeding is dangerous
- Do not drive under influence
- Wear helmet and proper attire while riding
- Always watch out for other road users
- Always check tyres

[www.mkkjr.gov.bn](http://www.mkkjr.gov.bn)

# MAJLIS MAKAN MALAM RAIKAN DELEGASI FASA



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat Majlis Makan Malam dan Gala sempena Mesyuarat EXCO Persekutuan Persatuan Pemilik-pemilik Kapal ASEAN (FASA) yang Ke-59 Tahun (kanan). Manakala gambar kiri, Pengurus FASA, Haji Awang bin Haji Ali semasa menyampaikan ucapannya.



Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Dk. Nurhalilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 22 November. - Majlis Makan Malam dan Gala sempena Mesyuarat EXCO Persekutuan Persatuan Pemilik-pemilik Kapal ASEAN (FASA) yang Ke-59 Tahun diadakan malam tadi di Tarindak D'Seni, di ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Turut hadir, Setiausaha Tetap

Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof; Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan) MTIC, Awang Haji Mohammad Salihin bin Haji Aspar; Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi) MTIC, Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim; Pengurus FASA, Haji Awang bin Haji Ali, serta para delegasi FASA.

Dihoskan oleh Belait Shipping Co. (B) Sendirian Berhad, Majlis Makan Malam berkenaan bertujuan bagi memupuk hubungan persahabatan dalam kalangan peserta dan mengiktiraf usaha kolektif dalam memajukan industri maritim.

Majlis turut diserikan dengan persembahan tarian budaya oleh Gentara Begawan dan nyanyian oleh para artis tempatan.

FASA merupakan persekutuan

yang mewakili pemilik kapal di seluruh rantau ASEAN dalam memupuk usaha ke arah kerjasama, menangani cabaran industri dan mempromosikan amalan lestari.

Selain itu, FASA juga komited dalam menjaga keselamatan dan alam sekitar maritim.

MAJLIS turut diserikan dengan persembahan tarian budaya oleh Gentara Begawan dan nyanyian oleh para artis tempatan.



## Komitded membasi kemiskinan di rantau ASEAN

Siaran Akhbar dan Foto :  
Kementerian Kebudayaan,  
Belia dan Sukan

### >> Muka 1

Komitmen dan sokongan kerajaan terhadap usaha berdasarkan komuniti melalui Badan-Badan Bukan Kerajaan tekan Yang Berhormat lagi, untuk mengurangkan kemiskinan dan merapatkan jurang pembangunan di Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui pendekatan senegara.

Sehubungan dengan itu, Yang Berhormat mengongsikan bahawa NBD melalui agensi-agensi seperti Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah memberi sokongan kewangan kepada Badan-Badan Bukan Kerajaan untuk menganjurkan program dan aktiviti berkaitan penjagaan kesejahteraan masyarakat yang memerlukan.

AMRDPE ke-13 dipengerusikan oleh Menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Masagos Zulkifli bin Masagos Mohamad, di bawah tema 'Strengthening Community-based Approaches and Social Protection for Poverty Alleviation'.

Tema tersebut mengetengahkan pembasmian kemiskinan di rantau ASEAN dengan bertukar-tukar pandangan dan amalan terbaik serta menyediakan panduan strategik dan hala tuju dasar mengenai kerjasama pembangunan serantau untuk menambah baik kehidupan rakyat yang kurang berkemampuan.

Pada mesyuarat tersebut, Menteri-Menteri telah mengesahkan Kenyataan Bersama bagi Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN mengenai Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan yang antara lainnya bersetuju untuk mengukuhkan pendekatan



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menyertai sesi bergambar ramai pada Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN mengenai Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan (AMRDPE) ke-13 di Singapura.

berasaskan komuniti bagi dalam dan luar bandar dalam pembentukan, pelaksanaan dan penilaian langkah-langkah perlindungan sosial yang menyasarkan golongan miskin dan yang memerlukan, serta memperkasa langkah-langkah yang mendukung pembangunan perusahaan tempatan di dalam dan luar bandar.

Menteri-menteri juga menugaskan Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan (SOMRDPE) untuk bekerjasama merentasi sektor dan tonggak dengan Badan Sektor ASEAN yang berkaitan dan rakan kongsi ASEAN untuk mempercepatkan

pelaksanaan Pelan Tindakan Rangka Kerja ASEAN mengenai Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan 2021-2025 untuk memastikan ianya siap menjelang 2025, dan pengoperasian Pelan Induk ASEAN mengenai Pembangunan Luar Bandar, serta rangka kerja ASEAN lain yang berkaitan seperti Kenyataan Bersama Pemimpin ASEAN mengenai Penubuhan Rangkaian Kampung ASEAN.

Mesyuarat AMRDPE ke-13 didahului oleh Forum ASEAN Public Private People Partnership ke-12 mengenai Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan pada 20 November 2023, dan Mesyuarat Pegawai

Kanan ASEAN ke-20 mengenai Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan (SOMRDPE) serta Mesyuarat SOMRDPE Campur Tiga ke-16 pada 21 November 2023.

Anugerah Kepimpinan Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan ASEAN ke-6 juga telah diadakan pada 21 November di Marina Bay Sands Expo and Convention Centre, untuk mengiktiraf peranan pencapaian cemerlang dan sumbangan pertumbuhan bukan kerajaan dan sektor swasta di Negara Anggota ASEAN terhadap pengurangan kemiskinan di dalam masyarakat setempat.

Pada tahun ini, Brunei Shell

Petroleum (BSP) yang diwakili oleh Pengurus Korporat BSP, Awang Haji Mohd. Jaafar bin Haji Awang Bakar, dan Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM) yang diwakili oleh Yang Di-Pertua MKM, Awang Mohd. Yusof Shaik bin Abdul Halim, menerima anugerah di bawah kategori Sektor Swasta dan kategori Badan Bukan Kerajaan masing-masing, atas sumbangan besar mereka dalam membantu memperkasakan golongan kurang berkemampuan di Negara Brunei Darussalam.

Hadir mengiringi Yang Berhormat ialah Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, dan pegawai-pegawai kanan KKBS.

# DUKUNG GAGASAN NEGARA ZIKIR



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada majlis Wira Fajar Program Belia Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah Di Masjid bagi Tahun 1445H/2023M. Turut disertai seramai lebih 400 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya; Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid; Pegawai-Pegawai Kerajaan; Persatuan dan Pergerakan Belia; Belia-Belia Masjid serta penduduk sekitar Kampung Bunut (atas dan bawah).

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**



**BUNUT**, Jumaat, 24 November. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) telah mengungkayahkan Wira Fajar Program Belia Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah Di Masjid bagi Tahun 1445H/2023M bertempat di Masjid Kampung Bunut.

Hadir ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Juga hadir Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Setiausaha Tetap (Kesukanan) KKBS, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud; Setiausaha Tetap (Kebudayaan) KKBS, Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan; Setiausaha Tetap (Kebeliaan) KKBS; Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin; Pemangku Timbalan

Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Md Salleh; Pegawai Daerah Brunei Muara, Awang Misle bin Haji Abd Karim; serta pegawai-pegawai kanan KHEU dan KKBS.

Program diisikan dengan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah diimamkan oleh Imam Masjid Kampung Bunut, Awang Mohd Nadzri bin Haji Abd Karim, diikuti dengan Tazkirah Subuh bertajuk 'Belia Siaga Masa Depan' disampaikan oleh Penolong Pendaftar Fakulti Bahasa Arab, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr Muhammad Yadly bin Haji Mat Yassin.

Wira Fajar diselajurkan dengan bacaan Surah Al-Kahfi dipimpin oleh Belia Masjid Kampung Bunut, Awang Muhammad Ibnu Said Fakhri bin Alim Saidi, serta Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dikepalai oleh Imam Masjid

Kampung Bunut serta dimuatkan juga dengan doa khusus keselamatan dan kesejahteraan rakyat Palestin, dan diakhiri dengan Sembahyang Sunat Dhua.

Majlis turut disertai seramai lebih 400 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya; Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid; Pegawai-Pegawai Kerajaan; Persatuan dan Pergerakan Belia; Belia-Belia Masjid serta penduduk sekitar Kampung Bunut.

Wira Fajar Program Belia Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah Di Masjid ini dihasratkan dapat mendidik diri para belia untuk mengerjakan sembahyang berjemaah di masjid serta memberikan pendedahan kepada para belia dengan mengisi aktiviti yang bermanfaat yang membawa belia-belia mendukung gagasan Negara Zikir.

## MKM terima Anugerah Kepimpinan ASEAN



YANG Di-Pertua Majlis Kesejahteraan Masyarakat, Haji Mohd. Yusof Shaik bin Abdul Halim menerima anugerah yang disampaikan oleh Menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Masagos Zulkifli (kiri dan kanan).

**Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Kesejahteraan Masyarakat**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 23 November. - Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM) baru-baru ini telah menerima Anugerah Kepimpinan ASEAN bagi Pembasian Kemiskinan Pembangunan Luar Bandar kali ke-6 yang berlangsung di Republik Singapura.

Anugerah tersebut adalah sebagai pengiktirafan ASEAN kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang telah memberikan sumbangan kepada



pembangunan komuniti luar bandar dalam pembasian kemiskinan di rantau ini.

Turut hadir pada majlis tersebut Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad serta para pegawai kanan KKBS.

Delegasi MKM yang hadir ialah Naib YDP 1 MKM, Hajah Juhana binti Haji Mohd. Jaya.

YDP MKM dalam ucptama pada

Forum Awam ASEAN Ke-12 Mengenai Pembasian Kemiskinan Pembangunan Luar Bandar yang diadakan pada 20 November 2023 antara lain menjelaskan mengenai pencapaian MKM sejak penubuhannya hingga masa kini.

"Sejak MKM mengungkayahkan Projek Skim Sarapan Pagi bagi para pelajar sekolah rendah pada tahun 2014, yang mana pada masa ini mereka telah menduduki

peperiksaan peringkat 'O' dan peringkat 'A' atau sedang menjalani pengajian siswazah, jelasnya.

Beliau menambah, para pelajar kalangan anak-anak klien MKM yang dibantu telah membebaskan diri mereka daripada belenggu kemiskinan, yang mana salah seorang daripada mereka telah diumumkan sebagai pelajar terbaik dalam peperiksaan peringkat 'A' 2 tahun lalu.

Beliau seterusnya berkata, pencapaian terbaik MKM adalah untuk mengekalkan kepercayaan orang ramai dan para penderma, bukan hanya untuk membolehkan bertahan dan terus menjalankan lebih banyak projek amal selama 14 tahun tetapi telah memberi inspirasi untuk melakukan yang lebih baik setiap tahun.

MKM yang ditubuhkan sejak tahun 2009 sememangnya telah mengungkayahkan banyak aktiviti dan program dalam memeduli serta membantu golongan yang kurang berkemampuan di negara ini.

Antaranya skim fidyah iaitu memberikan sarapan pagi kepada para pelajar kalangan anak-anak klien MKM di beberapa buah sekolah di negara ini, selain itu MKM juga menaja beberapa pelajar yang kurang berkemampuan khususnya dalam pembayaran yuran sekolah dan yuran peperiksaan.

MKM juga secara berterusan mengagihkan makanan asasi bulanan kepada klien-klien yang memenuhi kriteria.

# MEMBURU CINTA ALLAH DENGAN TAUBAT



**YANG Berhormat Mufti Kerajaan semasa menyampaikan ceramah khas pada Perasmian Majlis Ilmu 2023.**

**BERAKAS**, Khamis, 23 November. - Melalui SOP agama, Negara Brunei Darussalam (NBD) telah pun mengamalkan Vaksin Ketuhanan berupa bacaan-bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, zikir, melakukan Sembahyang Sunat Hajat, membaca Doa Qunut Nazilah, membaca Selawat Tafrijiyyah Senegara dan mengadakan Malam Munajat secara berterusan sebagai usaha untuk mengelak penularan COVID-19.

Vaksin Ketuhanan dalam bentuk ayat-ayat Al-Quran, doa-doa dan munajat sudahpun dilakukan dan Alhamdulillah dapat dilihat kesan positif kurnia Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita. Cuma satu sahaja lagi jenis munajat yang mustahak untuk kita lakukan ialah 'Munajat Senegara Dengan Taubat'.

Perkara tersebut dijelaskan oleh

Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned ketika menyampaikan Ceramah Khas bertajuk 'Munajat Senegara Dengan Taubat' pada Perasmian Majlis Ilmu 2023 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, hari ini.

Menurut Yang Berhormat Mufti Kerajaan, taubat adalah perkara suci dan Allah Subhanahu Wata'ala mengesahkan hamba-Nya untuk bertaubat, sebagaimana firman-Nya dalam Surah at-Tahrim, ayat 8, tafsirnya, "Wahai orang-orang yang beriman! Bertaubatlah kamu kepada Allah (mintalah ampun kepada-Nya) dengan Taubat Nasuha. Mudah-mudahan Tuhan kamu akan menghapuskan dosa-dosa kamu dan akan memasukkan kamu ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai...".

Yang Berhormat Mufti Kerajaan menambah, dalam sebuah hadis Qudsia pula, Allah Subhanahu Wata'ala berfirman maksudnya, "Wahai para hamba-Ku! Sesungguhnya kamu melakukan dosa pada malam dan siang hari dan Aku mengampunkan semua dosa. Maka kamu mintalah keampunan kepada-Ku, nescaya Aku mengampunkan kamu".

Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam tanpa berlengah, jelas Yang Berhormat telah menyahut gesaan atau perintah Allah ini, dengan sabda Baginda yang bermaksud, "...Sesungguhnya aku bertaubat kepada-Nya (kepada Allah) dalam sehari adalah 100 kali".

"Rasa-rasanya, kita patut malu menyebut hadis ini. Kerana Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam

bertaubat 100 kali sehari, sedang kita berapa kali? Nabi yang makshum, yang dijamin tidak berdosa tetapi Baginda bertaubat, meminta ampun kepada Allah, 100 kali sehari, mengapa? Ya mengapa wahai Nabi? Kerana Baginda itu tahu bahwa taubat adalah kesukaan Allah. Siapa yang bertaubat disukai oleh Allah. Makanya, Nabi kekasih Allah pun masih sahaja memburu cinta Allah itu dengan taubat", jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa taubat mempunyai pintu dan tanda kepemurahan Allah dan pintu ini tidak pernah ditutup kecuali pada dua keadaan iaitu apabila nyawa sudah sampai di halqum dan apabila matahari telah terbit di sebelah Barat.

"Alhamdulillah, hingga ke saat ini, kita masih sahaja ada peluang untuk bertaubat. Nafas kita masih baik, fizikal kita masih kuat, cerita nyawa sampai di halqum belum lagi berlaku dan peristiwa matahari terbit dari sebelah Barat juga belum terjadi, tandanya, kita ini masih sahaja ada peluang untuk bertaubat," kata Yang Berhormat lagi.

"Tetapi awas! Usah kita optimis atau berfikir bahawa peluang ini, akan kekal lama, belum tentu. Jangan anggap dua ribu tahun lagi baru kiamat akan berlaku. Jangan anggap begitu," tegas Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

Yang Berhormat menjelaskan setiap kali datang hari Jumaat, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam akan berasa takut kerana Baginda tahu, kiamat akan berlaku pada hari Jumaat.

Apabila angin bertiup kencang, ribut, Baginda dan para sahabat

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Masri Osman, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

akan bergegas ke masjid untuk sembahyang kerana mereka takut, kalau-kalau ribut itu adalah mukadimah kiamat, jelas Yang Berhormat Mufti Kerajaan lagi.

"Begini Nabi dan para sahabat. Berbanding kita, pada hari Jumaat dan bila berlakunya ribut, kita tidak takut. Kita masih sahaja ketawa dan berseronok-seronok. Nampaknya kita ini, kalau pun dibandingkan dengan makhluk burung, maka makhluk burung adalah lebih alim dan lebih sensitif kerana menurut hadis, kicauan burung pada hari Jumaat berbeza dengan kicauan burung pada hari-hari lain selain Jumaat.

"Kicauan burung pada hari Jumaat berbunyi atau bererti, sallim...sallim...sallim...(ertiannya: selamatkan... selamatkan... selamatkan...). Selamatkan dari apa? Selamatkan dari huru-hara hari kiamat, kiranya kiamat itu berlaku pada hari Jumaat tersebut. Demikian, sang burung juga adalah tahu bahawa kiamat akan berlaku pada hari Jumaat," tegas Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

Usah asyik bersantai dan berseronok kerana matahari belum terbit dari Barat, tetapi kenangkan, bahawa masa (kiamat) itu sudah dekat. Yang Berhormat Mufti Kerajaan menjelaskan bahawa sudah ada dalilnya berupa, perubahan-perubahan iklim.

Iklim di planet yang berumur 4.7 miliar tahun sudahpun berubah secara drastik, menjadikan badai sering bertiup, kebakaran-kebakaran hutan yang dahsyat sering terjadi, hujan dan kemarau

tidak menentu, cairnya ais di Antartika, kian menipisnya lapisan ozon dan pada musim sejuk, salji turun di Khutub Utara, kemudian pada musim panas pula salji turun di sebelah Selatan seperti di Australia dan New Zealand dan salji itu turun luar biasa lebatnya jelas Yang Berhormat.

Tidakkah ini, kata Yang Berhormat, menunjukkan bahawa cuaca dunia atau iklim telah pun benar-benar berubah seiring dengan kedudukan matahari juga telah dan sedang giat berubah. Maka pastinya, seperti sahaja esok atau lusa, akan tiba masa untuk matahari beralih tempat, terbit dari arah Barat.

Sebab itu, tegas Yang Berhormat jangan tangguh lama-lama, jangan tunggu esok atau lusa atau sebulan lagi baru hendak bertaubat kerana ajal di tangan Tuhan dan begitu juga masa akan terbitnya matahari dari Barat, hanya Allah sahaja yang tahu untuk menentukan, sementara kita tidak mengetahui apa-apa mengenainya.

Oleh itu, tegas Yang Berhormat Mufti Kerajaan lagi, memang wajarlah untuk kita segera bertaubat dan kita umat Islam sangat-sangat wajar untuk ramai-ramai bertaubat.

"Ayat ini menurut Hassan al-Bashri menjadi dalil bahawa setiap kesulitan atau kesusahan itu ubatnya ialah taubat atau Istighfar dan juga sekali gus merupakan jaminan Allah terhadap orang-orang yang bertaubat akan diampunkan dosa mereka, akan diturunkan hujan (rezeki), akan dikurniakan harta yang banyak dan anak pinak, kebun-kebun yang subur dan sungai-sungai yang mengalir air di dalamnya", jelas Yang Berhormat.

"Kerana itu, para Muslimin yang dihormati, jangan pandang rendah orang yang bertaubat, kerana Allah tidak memandang rendah orang bertaubat. Malah Allah menghormati orang bertaubat dan bahkan, Allah mengasihi orang bertaubat," tegas Yang Berhormat Mufti Kerajaan.



ANTARA jemputan perempuan yang hadir pada Majlis Ilmu 2023.

## Setiap kesulitan, ubatnya ialah taubat

ini.

"Sekalian kita, jangan ada yang bertinggalan, tetapi semua. Tuntutan bagi kita di Brunei ialah senegara. Senegara kita ramai-ramai bertaubat, bukan enggan bertaubat, atau patah hati untuk bertaubat kerana menganggap atau menyangka, Allah tidak akan mengampunkan lagi dosa yang telah dilakukan sejak berpuluhan-puluhan tahun lamanya, jangan anggap begitu...! Anggapan seperti ini tidak betul. Yang betulnya, berapa banyakpun dosa, dengan taubat, Allah sedia mengampunkan," jelas Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

Taubat, kata Yang Berhormat

Mufti Kerajaan bukan sahaja menghapus dosa-dosa tetapi juga menjadi penyebab turunnya rahmat, menjadi sebab melimpah-limpah nikmat, menjadi sebab luasnya rezeki, menjadi sebab sembah penyakit, menjadi sebab tertolaknya bala, menjadi sebab umur panjang, menjadi sebab hilang dukacita, menjadi sebab hajat tercapai.


Kerana itu apabila Hassan al-Bashri, seorang ulama besar dan wali Allah, ditanya, "Wahai Hassan, saya sakit, apakah yang patut saya buat?" Hassan menjawab, "Baca Istighfar". (Lafaz Istighfar ialah 'Astaghfirullah' yang erti, aku bertaubat memohon ampun kepada-Mu, Ya Allah), jelas Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

Yang Berhormat Mufti Kerajaan meneruskan lagi dan berkata, kemudian datang pula seorang lain bertanya, "Wahai Hassan, hidup saya sempit / susah, apakah yang patut saya buat?" Hassan menjawab, "Baca Istighfar".

Datang lagi orang lain, juga bertanya, "Wahai Hassan, saya sudah lama berkahwin tetapi belum mendapat zuriat, apakah yang patut saya buat?" Hassan menjawab, "Baca Istighfar" dan muncul pula seorang lain lagi bertanya, "Wahai Hassan, saya sering-sering sahaja didatangi oleh musibah, apakah yang patut saya buat?" Hassan tetap menjawab, "Baca Istighfar".

Akhirnya, tampil seorang yang menyaksikan peristiwa ini,

# Anak adalah amanah Allah Subhanahu Wata'ala



**B**ERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Kahfi, ayat 46 :

**Tafsirnya** : "Harta dan anak-pinak itu ialah perhiasan kehidupan dunia dan amalan-amalan soleh yang kekal itu lebih baik pahalanya di sisi Tuhanmu dan lebih baik menjadi harapan (untuk kebahagiaan hidup di akhirat)".

Anak merupakan kurnia dan anugerah yang dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk dijaga dengan baik dan penuh kasih sayang. Perlu diingat, bahawa ibu bapa atau penjaga bertanggungjawab menjaga amanah Allah Subhanahu Wata'ala ini dengan sebaik-baiknya.

Antara tanggungjawab yang wajib dipikul oleh kedua-dua ibu bapa atau penjaga ialah mendidik anak-anak mereka dengan didikan yang baik dan sempurna. Sekiranya hasil didikan menjadikan anak itu seorang anak yang soleh, maka ibu bapa juga turut mendapat pahala dan sebaliknya jika didikan yang diberi tidak sempurna maka ibu bapa yang akan menanggung sama akibatnya di hadapan Allah Subhanahu Wata'ala kelak. Daripada Abdullah bin Umar Radiallahuanhuma, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang

bermaksud : "Dan seorang suami adalah pemimpin bagi anggota keluarganya dan ia akan diminta bertanggungjawab terhadap mereka. Seorang isteri adalah pemimpin bagi rumah tangga, suami dan anak-anaknya dan akan diminta bertanggungjawab terhadap yang dipimpinnya. Seorang hamba adalah pemimpin bagi harta tuannya dan dia juga akan diminta bertanggungjawab terhadap apa yang dipimpinnya. Ketahuilah setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu akan diminta bertanggungjawab atas apa yang kamu pimpin". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala menjadikan setiap anak itu dilahirkan dalam keadaan fitrah semula jadi untuk menerima sebarang perubahan sama ada kebaikan ataupun keburukan. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhuma, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya** : "Setiap anak dilahirkan itu dalam keadaan fitrah (suci bersih), kedua ibu bapanya yang mencorakkannya menjadi Yahudi atau Nasrani atau Majusi". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Oleh sebab itu, agama kita menganjurkan ibu bapa supaya memastikan anak-anak mereka menerima dan mendapat pendidikan yang sempurna terutamanya pendidikan agama agar mereka menjadi insan yang berkekerti baik dan berakhlik mulia.

Ini kerana jika jiwa anak-anak itu telah dididik dan disemai dengan ajaran agama Islam yang kuat, insyaaAllah mereka akan menjadi orang yang beriman, cinta pada Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasulnya, menjadi anak yang soleh, berbakti kepada agama, ibu bapa, masyarakat dan negara.

Tugas mendidik anak-anak bukanlah suatu tugas yang mudah dan boleh dipandang ringan. Ini kerana didikan ibu bapa atau penjaga pada peringkat awal adalah penentu ke arah mana corak dan masa depan mereka lebih-lebih lagi pada zaman yang penuh dengan pelbagai cabaran ini.

Kanak-kanak pada zaman sekarang agak membimbangkan kerana mudah terpengaruh dengan isu-isu sosial yang agak sukar dikawal oleh ibu bapa seperti buli, penyalahgunaan dadah, lari dari rumah, tidak bersekolah dan bermacam-macam lagi.

Para ibu bapa atau penjaga tidak boleh mengambil ringan, cuai dan lahai dalam menunaikan hak dan tanggungjawab mereka terhadap anak-anak. Ini kerana jika mereka lahai dan kurang memberi perhatian kepada kelakuan anak-anak mereka, dihuatiri anak-anak akan terjebak dengan gejala negatif atau kegiatan kurang bermoral yang menyalahi agama Islam yang suci, bahkan juga melanggar adat dan tatasusila dan juga melanggar undang-undang negara.

Pendidikan yang sempurna dan seimbang antara dunia dan ukhrawi amat mustahak diberikan kepada anak-anak kerana tanpa adanya ilmu pengetahuan kita tidak dapat membezakan antara yang hak dan yang batil. Selain itu, sebagai ibu bapa atau penjaga, mereka hendaklah sentiasa prihatin dan mengambil berat terhadap anak-anak sama ada dari segi emosi, mental maupun fizikal.

Ibu bapalah yang bertanggungjawab mencorak dan mendidik mereka dengan didikan yang baik dan sempurna. Iktutlah tatacara mendidik anak mengikut sunah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hal makan dan minum, tidur, memelihara keluarga daripada dijangkiti penyakit dan menghalang mereka dari perkara-perkara maksiat termasuklah pengaruh media sosial terhadap kanak-kanak pada zaman ini.

Walau bagaimanapun, peranan tersebut tidak cukup untuk digalas oleh ibu bapa sahaja, bahkan memerlukan peranan masyarakat secara menyeluruh tidak kira bangsa dalam sama-sama menggalas tanggungjawab terhadap kanak-kanak.

Dalam hal ini, Negara Brunei Darussalam telah menjadi ahli kepada Konvensyen Hak Kanak-kanak yang menghuraikan hak kanak-kanak untuk kesejahteraan kehidupan mereka termasuk hak untuk kehidupan, hak untuk pelindungan, hak untuk perkembangan dan hak untuk penglibatan dalam perkara-perkara yang berkepentingan bagi mereka.

Dengan mencapai hak kanak-kanak tersebut, diharapkan akan dapat memberikan masa depan yang cerah bagi mereka. Demi memastikan kanak-kanak di negara ini berupaya untuk menjalani kehidupan yang lebih selamat dan berkualiti, ia penting untuk mengembangkan lagi ekosistem

perlindungan kanak-kanak. Perlindungan kanak-kanak ini bermula daripada keluarga, diikuti oleh masyarakat, institusi dan secara menyeluruh tidak kira bangsa yang sejajar dengan komitmen antarabangsa.

Di samping itu, janganlah kita lupaakan saudara kita yang berada di Gaza, Palestin. Di mana kesejahteraan kanak-kanak di sana juga sangat terancam. Ekoran pertempuran yang berlarutan sejak 7 Oktober 2023 yang lalu, mangsa-mangsa serangan Israel dan jumlah korban serta kecederaan meningkat dalam kalangan rakyat Palestin. Tindakan Israel mengebom secara keterlaluan terhadap kawasan awam, menyekat bekalan asas air, elektrik dan makanan, mangsa-mangsa sangat-sangat memerlukan bantuan.

Oleh yang demikian, negara kita telah menubuhkan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 pada 3 Rabulakhir 1445 Hijrah bersamaan 18 Oktober 2023 Masihi yang lalu bertujuan membantu meringankan beban penderitaan yang ditanggung oleh mangsa-mangsa penduduk Palestin di Gaza. Marilah kita sama-sama menghulurkan derma kutipan kemanusiaan rakyat Palestin di Gaza 2023 melalui tabung-tabung yang disediakan di masjid-masjid, surau-surau dan balai ibadat, bangunan bank-bank, gedung-gedung perniagaan dan bangunan-bangunan awam di seluruh negara, pekhidmatan BIBD Online, SMS Brunei Prihatin atau menghantar terus kepada Urus Setia Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 di Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran, Tingkat 2, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada waktu pejabat. Mudah-mudahan segala niat dan sumbangan yang dihulurkan ini akan mendapat keredaan dan keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

**Tafsirnya** : "Katakanlah : Sesungguhnya Tuhanmu melaaskan kurnia rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya antara hamba-hamba-Nya dan menyempitkannya (kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya) dan apa sahaja yang kamu belanjakan (untuk kebaikan) maka Allah akan menggantikannya dan Dialah sebaik-baik pemberi rezeki". (Surah Saba', ayat 39)

## Bersama-sama serta Kempen Derma Darah

**Siaran Akbar : Kementerian Kesihatan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 22 November. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa bekalan darah di Pusat Pendermaan Darah dan Tabung-tabung Darah di seluruh negara adalah di tahap yang rendah.

Penderma darah kumpulan A, B dan AB adalah diperlukan dengan segera bagi menampung keperluan pemindahan darah di kesemua hospital di negara ini.

Orang ramai yang ingin menderma darah bolehlah berkunjung terus ke Pusat Pendermaan Darah atau Tabung-tabung Darah berdekatan, bermula jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.30 petang hingga 3.30 petang pada hari-hari bekerja sahaja.

Sehubungan dengan ini, Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal akan mengadakan Kempen-kempen Derma Darah pada Jumaat, 24 November 2023, bermula jam 8.30

pagi hingga 11.00 pagi bertempat Masjid Kampung Bengkurong anjuran Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Bengkurong.

Manakala, pada Sabtu, 25 November 2023, bermula jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang, bertempat di NBT Lexus Showroom Gadong anjuran ROTARY Club Brunei Darussalam.

Sementara itu, Tabung Darah Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Temburong, juga akan mengadakan Kempen Derma Darah pada Ahad, 26 November 2023, bermula jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang bertempat di Dewan Sekolah Menengah Sultan Hassan, Bangar, Temburong sempena Festival Hari Keluarga.

Kempen-kempen berkenaan di atas adalah dibuka bagi penyertaan orang ramai.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi BloodKad bagi Kempen Derma Darah berkenaan adalah sangat digalakkan.

**Selamatkan Usus Awda.**  
**Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.**

كمترن صحیح  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
MINISTRY OF HEALTH

Untuk mengetahui  
lebih lanjut mengenai  
program pemeriksaan  
kanser kolorektal,  
sila jumpa\* Doktor  
awda hari ini atau  
layari  
[www.ppkk.gov.bn](http://www.ppkk.gov.bn)



\*Sasaran pemeriksaan:  
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.



MAJLIS Makan Malam sempena 1st AMAG-MLAT dihadiri oleh ketua-ketua delegasi daripada semua Negara-negara Anggota ASEAN, Timor-Leste, Sekretariat ASEAN dan semua perwakilan.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Hamzah Mohidin

**JERUDONG**, Khamis, 23 November. - Peguam Negara, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmad bin Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa selaku Pengurus Mesyuarat Pertama Menteri-menteri / Peguam-peguam Negara ASEAN (The 1st ASEAN Ministers / Attorneys General Meeting) bagi Pihak Berkusa Pusat mengenai Bantuan

Undang-undang Bersama dalam Perkara-perkara Jenayah (1st AMAG-MLAT) menganjurkan Majlis Makan Malam di Dewan Royal Berkshire, Jerudong Polo Club, semalam, di sini. Majlis tersebut dihadiri oleh ketua-ketua delegasi daripada semua Negara-negara Anggota ASEAN, Timor-Leste, Sekretariat ASEAN dan semua perwakilan. Majlis Makan Malam tersebut dianjurkan bersempena

AMAG-MLAT yang julung kali ini di The Empire Brunei.

Pada tahun 2019, AMAG-MLAT telah ditetapkan sebagai Badan Sektoral ASEAN rasmi di bawah tiang Komuniti Keselamatan Politik ASEAN (APSC).

AMAG-MLAT kali Pertama menandakan Mesyuarat Pertama Peringkat Menteri Badan Sektoral, di mana para peserta membincangkan cara-cara untuk meningkatkan pelaksanaan Perjanjian ASEAN mengenai Bantuan Undang-undang Bersama dalam Perkara Jenayah (ASEAN MLAT).

Mesyuarat itu juga menerima pakai Laporan Mesyuarat Pegawai Kanan Pertama dan Kedua Pihak Berkusa Pusat mengenai Bantuan Perundangan Bersama dalam Perkara Jenayah (SOM-MLAT).

Pada mulanya dicadangkan pada tahun 2002, Perjanjian MLAT bertujuan untuk menyokong dan

**PERSEMBAHAN** tradisional menyerikan majlis tersebut.

mengukuhkan usaha dan kapasiti Negara-negara Anggota ASEAN untuk memerangi jenayah transnasional dan cabaran lain.

Ia bertujuan untuk meningkatkan kerjasama dalam penguatkuasaan undang-undang dan bantuan undang-undang bersama dalam hal jenayah, menjawab keperluan untuk meningkatkan keberkesanan bantuan kehakiman dan menyelaraskan proses bantuan undang-undang bersama

disebabkan oleh sistem perundangan yang berbeza dan keperluan prosedur negara-negara anggota ASEAN.

Berikutnya penamatan MLAT, ia telah dinaikkan ke dalam Perjanjian ASEAN sebagai MLAT ASEAN pada 2019.

Majlis Makan Malam bersempena dengan AMAG-MLAT turut mempamerkan budaya Negara Brunei Darussalam melalui persembahan tradisional dan masakan tempatan.



## Memperkuuh kerjasama bantuan undang-undang bersama



YANG Berhormat Peguam Negara semasa bergambar ramai bersama perwakilan Negara-negara Anggota ASEAN, Timor-Leste dan Sekretariat ASEAN pada Mesyuarat 1st AMAG-MLAT.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Hamzah Mohidin

**JERUDONG**, Rabu, 22 November. - Pejabat Peguam Negara mengadakan Mesyuarat Pertama Menteri-menteri / Peguam-peguam Negara ASEAN (The 1st ASEAN Ministers / Attorneys General Meeting) bagi Pihak Berkusa Pusat mengenai Bantuan Undang-undang Bersama dalam Perkara-perkara Jenayah (1st AMAG-MLAT) di mana Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah bagi mesyuarat tersebut yang diadakan di Indera Kayangan Ballroom, The Empire Brunei, hari ini.

Mesyuarat 1st AMAG-MLAT yang julung kali dihadiri oleh wakil semua Negara-negara Anggota ASEAN, Timor-Leste dan Sekretariat ASEAN.

Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Peguam Negara, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmad bin

Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa.

1st AMAG-MLAT telah ditetapkan secara rasmi pada tahun 2019 sebagai Badan Sektoral ASEAN di bawah tonggak Komuniti Political Security ASEAN (APSC).

Persidangan AMAG-MLAT kali pertama ini merupakan mesyuarat pertama Badan Sektoral peringkat menteri, di mana peserta-peserta membincangkan cara untuk meningkatkan pelaksanaan Perjanjian ASEAN mengenai Bantuan Undang-undang Bersama dalam Perkara-perkara Jenayah

(ASEAN MLAT).

Mesyuarat itu juga telah mengesahkan Laporan Mesyuarat Pertama dan Kedua

Pegawai-pegawai Kanan Pihak Berkusa Pusat mengenai Bantuan Undang-undang Bersama dalam Perkara-perkara Jenayah (SOM-MLAT).

Dalam Kenyataan Bersama (Joint Communiqué) yang dikeluarkan pada akhir mesyuarat tersebut mengalukan perkembangan SOM-MLAT dalam menyokong serta mengukuhkan kerjasama bantuan undang-undang bersama dalam kalangan Negara-negara Anggota ASEAN dan memastikan pelaksanaan ASEAN MLAT yang berkesan.

Menurut Kenyataan Bersama itu lagi bahawa SOM-MLAT terus menggalakkan untuk menangani cabaran yang dihadapi oleh Negara-negara Anggota ASEAN dalam memberikan sokongan untuk bantuan undang-undang bersama dalam perkara-perkara jenayah dan melaksanakan ASEAN MLAT.

Dalam kenyataan tersebut juga turut menekankan perkembangan dalam membangunkan Templat Model Permintaan Bantuan



**PERWAKILAN** Negara-negara Anggota ASEAN, Timor-Leste dan Sekretariat ASEAN semasa menghadiri Mesyuarat 1st AMAG-MLAT yang diadakan di The Empire Brunei.



YANG Berhormat Peguam Negara semasa berucap pada 1st AMAG-MLAT.

Undang-undang Bersama sebagai satu instrumen penting bagi memperkuuh pelaksanaan ASEAN MLAT dengan berkesan dan cekap.

Mesyuarat ini menandakan satu langkah ke hadapan yang penting dalam perjalanan ASEAN ke arah kerjasama serantau dalam perkara-perkara jenayah yang lebih baik dan membuktikan komitmen bersama negara-negara dalam kalangan anggotanya ke arah mewujudkan komuniti ASEAN yang lebih selamat dan terjamin.

# Pemenang Pertandingan Tausyeh terima hadiah



SETIAUSAHA Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang Pertandingan Tausyeh yang diadakan di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Kampung Kiarong.

## Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**KIARONG**, Khamis, 23 November. - Kumpulan Tausyeh Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Daerah Temburong diumumkan sebagai juara Pertandingan Tausyeh bagi Kategori Pasukan Dewasa Lelaki (Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid).

Manakala Kumpulan Tausyeh Masjid Kampung Batu Apoi, Daerah Temburong johan Kategori Pasukan Dewasa Perempuan (Muslimah).

Bagi Kategori Belia Masjid dimenangi oleh Kumpulan Masjid

Kampung Salambigar. Sementara Kategori Beliawanis Masjid dijuarai oleh Kumpulan Masjid Kampung Batu Apoi, Daerah Temburong.

Sebanyak 28 buah Kumpulan Tausyeh telah berentap pada Pertandingan Akhir Tausyeh, terdiri daripada kalangan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid bagi Kategori Dewasa Lelaki, Dewasa Perempuan bagi Muslimah Masjid, Kumpulan Belia Masjid dan Beliawanis Masjid.

Pertandingan yang

diungkayahkan bersama oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid melalui Bahagian Imarah dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah telah diadakan selama dua hari bermula Rabu, 22 November hingga Khamis, 23 November 2023 bertempat di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Kampung Kiarong.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,

Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin.

Tujuan utama Pertandingan Tausyeh ini diadakan adalah sebagai wadah menghidupkan syiar Islam melalui Zikir Tausyeh dan menjadikan masjid sebagai tempat perkumpulan masyarakat Islam tanpa mengira perbezaan usia.

Di samping itu, pertandingan ini juga adalah bagi mencungkil bakat terpendam dalam kalangan Ahli Jawatankuasa Takmir, Muslimah Masjid dan Kumpulan Belia serta Beliawanis Masjid.

Pertandingan Tausyeh ini diharap untuk menyahut dan merealisasikan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke arah menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.

Seterusnya, dapat melahirkan semangat suka mengikuti pelbagai pertandingan yang berbentuk keislaman dan juga mencegalkan serta menghidupkan Lagu-lagu Tausyeh dalam kalangan masyarakat Islam agar tidak hilang ditelan zaman.

# PENYERAHAN DERMA BAGI TABUNG KEMANUSIAAN RAKYAT PALESTIN



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri menerima serahan derma bagi Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza daripada Naib Yang Dipertua Majlis Belia Daerah Tutong (NYDP MBDT), Awang Ahanapi bin Haji Mahadi (kiri). Manakala gambar kanan, NYDP MBDT menerima serahan derma dari wakil persatuan-persatuan gabungan di Daerah Tutong.

## Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**TUTONG**, Rabu, 22 November. - Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 terus menerima sumbangan daripada orang ramai, tidak ketinggalan daripada persatuan-persatuan yang prihatin di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Sehubungan itu, Majlis Belia Daerah Tutong (MBDT) dan Persatuan-persatuan Gabungan di bawahnya hari ini menyerahkan

derma kepada tabung berkenaan dalam sebuah majlis yang berlangsung di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menerima serahan sumbangan tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Atur cara terlebih dahulu

dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Naib Yang Dipertua (NYDP) MBDT, Awang Ahanapi bin Haji Mahadi.

Menurutnya, MBDT bersama 13 buah Persatuan-persatuan Gabungannya bersatu hati menyatakan sumbangan kepada Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin sebagai menyahut usaha kerajaan yang telah memberi kemudahan kepada orang ramai untuk menghulurkan derma kepada tabung berkenaan.

NYDP MBDT seterusnya menerima serahan sumbangan daripada wakil setiap persatuan yang hadir, sebelum menyerahkannya kepada tetamu kehormat.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamatkan Palestin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Mohd. Zulkifli bin Johari. Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung di Daerah Tutong.

Tabung Kemanusiaan Rakyat

Palestine di Gaza 2023 telah dilancarkan pada 18 Oktober 2023 bertujuan bagi mengumpulkan derma berbentuk kewangan sahaja daripada semua rakyat dan penduduk di NBD bagi membantu meringankan kesengsaraan dan beban penderitaan penduduk Palestine yang terjejas di Gaza berikutnya pertempuran yang berlaranan sejak 7 Oktober 2023. Tabung ini dibukakan selama tiga bulan iaitu sehingga 18 Januari 2024.

# UTB, HARQ ENTERPRISE METERAI MOU



NAIB Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman hadir selaku tetamu kehormat pada majlis MoU tersebut dan seterusnya menyaksikan Majlis Penandatanganan MoU (kiri dan kanan).

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Masri Osman

**TUNGKU LINK**, Rabu, 22 November. - Pusat Penyelidikan AgriFood dan Sains dan Teknologi (CrAFT), Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan HARQ Enterprise memulakan kerjasama mereka secara rasmi melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) bertempat di Bangunan The Pearl, UTB, hari ini.

Pakatan strategik ini bertujuan untuk memacu kemajuan pintar

dalam pertanian (Artificial Intelligence Technologies) dan buatan teknologi perisikan, secara eksplisit menyasarkan pengoptimuman pengeluaran cili.

Hadir selaku tetamu kehormat pada MoU tersebut ialah Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman. Turut hadir ialah Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Awang Abuzar bin Haji Mohd. Tahir; pegawai-pegawai utama UTB,

pegawai-pegawai dari KSSUP dan HARQ Enterprise.

Majlis dimulakan dengan ucapan perasmian oleh Pengarah CrAFT, Dr. Syazana Abdullah Lim diikuti dengan ucapan Pengurus Perusahaan HARQ, Awang Abdul Qayuum bin Haji Mohammad Hanafi.

Taklimat projek mengenai 'Rumah Hijau Pintar untuk Tanaman Cili' telah dibentangkan melalui gambaran keseluruhan projek yang komprehensif oleh Ketua Projek dari UTB, Awang Haji Ismit bin Haji Mohamad

di mana dalam taklimat tersebut menyediakan pelan hala tuju terperinci untuk inisiatif penyelidikan dan pembangunan.

Acara kemudian diteruskan dengan Majlis Penandatanganan MoU. Menandatangani bagi pihak UTB ialah Pengarah CrAFT, manakala Pengurus HARQ Enterprise mewakili entiti korporat.

MoU berkenaan mencerminkan komitmen UTB dan HARQ Enterprise untuk memupuk pengetahuan dan penemuan saintifik melalui aktiviti penyelidikan kolaboratif.

Menyedari potensi transformatif pertanian pintar dan teknologi kecerdasan buatan, perkongsian itu mewujudkan rangka kerja berstruktur untuk inisiatif penyelidikan bersama untuk membawa kemajuan praktikal ke lapangan.

Kerjasama antara UTB dan HARQ Enterprise menyaksikan satu peristiwa penting dalam merapatkan jurang antara akademik dan industri, memupuk inovasi dan penyelesaian teknologi untuk masa depan pertanian mampu.

## Sekolah Al-Falaah adakan Majlis Ihtifaal



MAJLIS yang diadakan di Auditorium Sekolah Al-Falaah, Sungai Akar tersebut dihadiri oleh Pengarah Sultan Omar 'Ali Saifuddien Centre for Islamic Studies, Universiti Brunei Darussalam, Dr. Mohd. Hairul Azrin bin Haji Besar yang juga hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada penerima (atas kiri dan bawah). Manakala gambar atas kanan, antara persembahan dari pelajar Sekolah Al-Falaah.

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**SUNGAI AKAR**, Khamis, 23 November. - Sekolah Al-Falaah mengadakan Majlis Ihtifaal Penutup Akhir Tahun 2023 Masihi / 1445 Hijrah dengan meraikan graduan dan pelajar cemerlang dari sekolah tersebut hari ini.

Seramai 111 pelajar dari Tadika 3 sesi pagi sekolah berkenaan iaitu Cawangan Sungai Akar dan Ban 5 telah menerima sijil graduan pada majlis tersebut manakala seramai 87 pelajar dari Tadika 3 sesi pagi sekolah tersebut juga di kedua-dua cawangan telah dianugerahkan pelajar terbaik yang merangkumi pelajar Tahun 1 hingga Tahun 5 (sesi

pagi).

Majlis yang diadakan di Auditorium Sekolah Al-Falaah, Sungai Akar tersebut dihadiri oleh Pengarah Sultan Omar 'Ali Saifuddien Centre for Islamic Studies, Universiti Brunei Darussalam, Dr. Mohd. Hairul Azrin bin Haji Besar yang juga hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Dalam ucapan alu-aluan daripada Pengetua Sekolah Al-Falaah, Dayang Hajah Shariffah Mastura Alsagoff menyatakan bahawa visi Sekolah Al-Falaah adalah melahirkan murid-murid yang tidak

hanya cemerlang dalam subjek akademik tetapi juga dalam mata pelajaran Ukhrawi.

Konsep pendidikan holistik ini bertujuan untuk membentuk individu yang seimbang, mengintegrasikan aspek intelektual, emosional, spiritual dan jasmani.

Tambahnya lagi, pihak sekolah turut berbangga dengan pencapaian pelajar-pelajar dalam aktiviti atau pertandingan kokurikulum di dalam dan luar sekolah pada tahun ini.

Pelajar-pelajar yang menerima sijil dan diraikan tersebut juga turut terlibat dengan beberapa persembahan serta majlis diakhiri dengan Doa Penutup oleh pelajar-pelajar Tadika 3 berkenaan.



# HARI TERBUKA SMALHB WADAH PERKONGSIAN MAKLUMAT



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 22 November. - Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (SMALHB) mengadakan Hari Terbuka, hari ini.

Hari Terbuka tersebut merupakan sebagai wadah perkongsian maklumat untuk pelajar-pelajar persekolahan Arab dan Institut Tahfiz Al-Quran

**PENGARAH Pengajian Islam** hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan perlancaran Hari Terbuka SMALHB (kiri).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) yang berminat untuk meneruskan pembelajaran mereka ke satu-satunya Pusat Tingkatan Enam Arab atau prauniversiti Arab yang ada di negara ini.

Hadir selaku tetamu khas dan juga menyempurnakan pelancaran Hari Terbuka SMALHB ialah Pengarah Pengajian Islam, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar.

Tujuan acara tersebut diadakan adalah untuk memberikan

pengetahuan dan pengenalan mengenai jurusan-jurusan yang ditawarkan di SMALHB serta maklumat mengenai kemudahan biasiswa yang ditawarkan kepada para pelajar.

Acara pada hari tersebut turut disertai oleh Bahagian Pembangunan Sumber Tenaga Manusia dan Biasiswa, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan.

Turut serta, Bahagian Biasiswa Sultan's Scholar; Bahagian Biasiswa, Brunei Shell Petroleum Company Sendirian Berhad; Unit Pendidikan Kerjaya, Bahagian Kaunseling dan Kerjaya, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Hari Terbuka tersebut turut disertai oleh Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB), Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Universiti Teknologi Brunei (UTB).



PARA pelajar KUPUSB, UBD dan UTB turut menyertai Hari Terbuka berkenaan.

## Taman Didikan PPDB raikan pelajar cemerlang



MURID-murid Taman Didikan Anak-anak Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) yang telah berjaya menamatkan Kelas Tadika dan mendapat keputusan cemerlang dalam Peperiksaan Akhir Tahun 2023 telah diraikan pada Majlis Penyampaian Sijil dan Hadiah Akademik Terbaik bertempat di Dewan Stadium Hassanal Bolkiah Polis Gadong.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**GADONG**, Rabu, 22 November. - Murid-murid Taman Didikan Anak-anak Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) yang telah berjaya menamatkan Kelas Tadika dan mendapat keputusan cemerlang dalam Peperiksaan Akhir Tahun 2023 telah diraikan pada Majlis Penyampaian Sijil dan Hadiah Akademik Terbaik bertempat di Dewan Stadium

Hassanal Bolkiah Polis Gadong, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Yang Di-Pertua Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI), Pengiran Datin Hajah Zauyah binti Pengiran Haji Sulaiman. Turut hadir, Pengerusi PEKERTI, Datin Sabrina Aziemah binti Abdullah

Yong.

Majlis berkenaan menyaksikan penyampaian sebanyak 30 sijil pelajar cemerlang serta hadiah dan 48 sijil pelajar menamatkan Sesi Persekolahan (KG2) bagi Tahun 2023.

Majlis turut diserikan lagi dengan Persembahan Tarian dan Nyanyian yang ditampilkan oleh murid-murid KG1 dan KG2 dan diakhiri dengan bacaan Selawat Tafriyyah.

جامعة فرانش بيكومني دان ستاتوسيند  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia  
Sila muat turun

PenggunaBijak



**PENGARAH** Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, selaku tetamu kehormat majlis semasa menyampaikan hadiah kepada para penerima (atas). Manakala gambar bawah, sebahagian daripada pelajar yang menghadiri Program Rakan Remaja Penerangan di SMPAPHM.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 22 November. - Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik, Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik mengadakan Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) di Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna (SMPAPHM) yang diadakan di dewan sekolah berkenaan, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Julaihi bin Haji Mohamad / Mohamat.

Turut hadir ialah Pengetua SMPAPHM, Dayang Hajah Adinawati binti Haji Sarwadi; Ketua Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya; guru-guru kanan,



**Sentiasa Mengekalkan Jarak Selamat**

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA

Always Wear a seatbelt   No mobile phones while driving   Speeding is dangerous   Do not drive under influence   Wear helmet and proper attire while riding   Always watch out for other road users   Always check tyres

[www.mkkjr.gov.bn](http://www.mkkjr.gov.bn)

NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL  
BRUNEI DARUSSALAM

## NASIONAL

# DEKATI REMAJA, PEKA PERKEMBANGAN SEMASA

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

tenaga-tenaga pengajar dan penuntut-penuntut sekolah berkenaan.

Program yang dihadiri oleh 152 orang pelajar Tahun 9 dan 10 tersebut antaranya bertujuan untuk mendekati para remaja di sekolah-sekolah supaya mereka peka dengan perkembangan semasa dan menanamkan semangat kenegaraan serta tanggungjawab sosial dalam kalangan remaja dan menjadikan pelajar sebagai ejen dalam penyebaran maklumat yang positif dan berkesan kepada rakan sebaya.

Selain itu, program berkenaan diharaskan dapat memberikan sivik dan semangat kenegaraan terutama kepada golongan remaja ke arah pembentukan minda dan moral positif dan dalam masa yang sama, ia adalah untuk mendekati golongan belia dan remaja di sekolah-sekolah melalui seni hiburan yang terarah dan terpimpin.

Program tersebut dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan'; Lagu Patriotik 'Bendera Negara' dan Lagu 'SMPAPHM'. Manakala bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa Selamat dibacakan oleh Awang Haji Mohd. Azmin bin Haji Ridzuan.

Pengetua SMPAPHM dalam ucapannya antaranya lain menyatakan sokongan dan penglibatan dalam program-program seperti inilah yang pihak sekolah inginkan dalam sama-sama membentuk generasi masa depan yang berkualiti.

Beliau menambah, Program RRP ini juga merupakan salah satu usaha yang sangat relevan dalam sama-sama melahirkan para belia yang berwawasan dan tambahan lagi dalam situasi dunia yang semakin penuh dengan cabaran terutama dengan cabaran teknologi maklumat yang semakin terbuka dan bebas.

Taklimat bertajuk 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' disampaikan oleh Pegawai Penerangan selaku Ketua Seksyen Komunikasi Strategik, Jabatan Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim.

Video animasi 'Tatacara Mengibarkan Bendera' terbitan Jabatan Penerangan turut ditayangkan bagi meningkatkan lagi kefahaman penuntut mengenai taklimat yang disampaikan.

Program RRP turut diserikan dengan persembahan daripada penuntut SMPAPHM dan artis-artis undangan. Antara persembahan pelajar Tahun 9 dan 10 ialah permainan Gulintangan, Tarian Temarok, nyanyian berkumpulan lagu 'Jiwa yang Bersedih' dan solo, lagu 'Retak Hatiku' oleh Dayangku Sarah Adriana binti Pengiran Indra Jaya.

Program juga dimeriahkan dengan pentomin bertajuk 'Sedar' oleh Kumpulan Pento Z (PGS RMF Music Studio) dan lawak jenaka daripada Kumpulan Jimman yang antaranya memberikan kesedaran

tentang isu-isu sosial dan pengaruh media sosial dalam kalangan remaja.

Turut diselitkan nyanyian daripada artis undangan iaitu Awangku Muhd. Nurehsan Luqman Al-Hakeem bin Pengiran Shaiful Rezal Malek Faesal dan Awangku Muhd. Nursyafiq Luqman Al-Hakeem bin Pengiran Shaiful Rezal Malek Faesal.

Kuiz Kenegaraan turut diadakan bagi menguji kefahaman penuntut yang hadir tentang taklimat yang disampaikan pada awal program. Penyampaian cenderamata kepada pemenang kuiz disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.



DAYANG Mufidah binti Abdul Hakim semasa menyampaikan taklimat.



## Padah miliki pelbagai jenis rokok

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

**BELAIT**, Rabu, 22 November. - Seorang lelaki warganegara Bangladesh dijatuhkan hukuman denda sebanyak BND31,000 atau 14 bulan pemerjaraan jika gagal membayar denda atas satu pertuduhan di bawah Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006.

Majistret Nursariy Shahmina binti Jaffri menjatuhkan hukuman tersebut ke atas Masud Miah di Mahkamah Majistret, Kuala Belait, hari ini. Defendan mengaku bersalah dan didakwa memiliki 31 karton rokok pelbagai jenis.

Defendan yang berusia 29 tahun itu ditangkap oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-undang, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED), Cawangan Kuala Belait di Bilik Pekerja di Kawasan Letak Kenderaan Tingkat Bawah Tanah Kompleks 333, Jalan Pandan 7 Kuala Belait pada 18 November 2023, jam 11.02 pagi.

Kesemua barang yang terlibat, iaitu rokok dihukum rampas untuk diserahkan ke pihak kerajaan bagi tujuan dimusnahkan.

## Denda BND32,000 miliki rokok, minuman keras

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 23 November. - Seorang lelaki warganegara Bangladesh mengaku bersalah atas tiga pertuduhan iaitu di bawah Seksyen 146 (1) (d) Perintah Eksais, 2006.

Defendan, Mohamed Sohel, berumur 35 tahun dijatuhkan hukuman oleh Majistret Nur Eleana binti Dato Seri Paduka Haji Hairol Arni di Mahkamah Majistret, hari ini.

Defendan dijatuhkan hukuman denda sebanyak BND32,000 atau 23 bulan pemerjaraan jika gagal membayar denda.

Defendan didapati memiliki 23 karton rokok pelbagai jenis, tiga botol dan sembilan tin minuman keras pelbagai jenis dan memiliki lapan paket rokok pelbagai jenis dan wang sebanyak BND2,200.

Defendan ditangkap oleh Pegawai Penguatkuasa, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) di sebuah rumah di Kampung Sengkurong pada 24 Oktober 2023.

Kesemua barang terlibat dihukum rampas untuk dimusnahkan dan wang tunai dihukum rampas untuk diserahkan ke kerajaan bagi tujuan dimusnahkan.

JABATAN DAERAH BELAIT  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran :  
JDB / BMP / 5.1 / F

Tajuk Tawaran :  
Tawaran Kantin Bangunan  
Jabatan-Jabatan Kerajaan  
Kuala Belait,  
Negara Brunei Darussalam

Tajuk Tawaran :  
Tidak lewat Sabtu,  
23 Disember 2023,  
jam 2.00 Petang.



JABATAN IMIGRESEN DAN  
PENDAFTARAN KEBANGSAAN

Bilangan Iklan Sebut Harga :  
IMMB / UPA / 7 / 11 / 2023

Tajuk Sebut Harga :  
Kerja-Kerja Pengubahsuaian  
Dalam Bangunan Bagi  
Bahagian Penguatkuasaan  
Kuala Belait, Jabatan Imigresen  
dan Pendaftaran Kebangsaan

Bilangan Iklan Sebut Harga :  
IMMB / UPA / 8 / 11 / 2023

Tajuk Sebut Harga:  
Kerja-Kerja Pembaikan Di  
Bangunan Jabatan Imigresen  
dan Pendaftaran Kebangsaan.

Bilangan Iklan Sebut Harga :  
IMMB/UPA/9/11/2023

Tajuk Sebut Harga:  
Painting Works At Block B,  
Pos Kawalan Imigresen  
Sungai Tujuh, KB, JIPK.

Tarikh dan Masa Ditutup :  
Rabu, 29 November 2023  
Jam 2.00 Petang

Maklumat Perhubungan :  
Unit Pengurusan Aset  
Jabatan Imigresen dan  
Pendaftaran Kebangsaan,  
Tingkat 4,  
Jalan Menteri Besar,  
Bandar Seri Begawan  
BB3910,  
Negara Brunei Darussalam.

Yuran Tawaran :  
BND10.00 (Tidak Dikembalikan)



BIRO MENCEGAH RASUAH

Bilangan Tawaran :  
BMR / SH / 19 / 2023 / 2024

Tajuk Tawaran :  
Sebut Harga Bagi  
Pengubahsuaian Bilik Mess  
Pegawai Tingkat I,  
Dewan Riadah,  
Biro Mencegah Rasuah

2. Bilangan Tawaran :  
BMR / SH / 20 / 2023 / 2024

Tajuk Tawaran :  
Quotation For Renovation Work  
(Repair, Painting &  
Waterproofing) At Anti  
Corruption Bureau,  
Kuala Belait Branch

Tarikh Tutup Tawaran :  
Selasa, 12 Disember 2023  
Tidak lewat jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN

Pusat Pembangunan Belia

Kenyataan Tawaran  
Tender Notice

Bilangan Sebut Harga :  
11 / 2023 / KKBS / PPB / 12

Tajuk Sebut Harga :  
Kontrak Penggal 24 Bulan Bagi  
Pembekalan Dan Penghantaran  
Hadiah-Hadiah Bagi  
Acara-Acara Program  
Pembangunan Diri (Sukan,  
Perbarisan Dan Kerohanian) Di  
Pusat Pembangunan Belia,  
Kementerian Kebudayaan, Belia  
Dan Sukan, Jalan Utama Tanah  
Jambu, Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup Sebut Harga :  
Khamis,  
30 November 2023  
Tidak lewat jam 2.00 Petang



PEJABAT PEGUAM NEGARA  
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran :  
PPN / ASSET / BUUMM /  
CONTRACT / 2023 / 11 / 1

Tajuk Tawaran :  
Penyewaan Kantin Di Tingkat 1,  
Bangunan Undang-Undang dan  
Mahkamah-Mahkamah,  
Pejabat Peguam Negara

KEMENTERIAN  
HAL EHWAL UGAMA

Bahagian Teknologi Maklumat  
Kementerian Hal Ehwal Ugama  
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Sebut Harga :  
57 / KHEU / BTM / 2 / RFQ / 2023

Tajuk Sebut Harga :  
Supply and Delivery Of Genuine  
Toner Ricoh MC2000 For  
Ministry Of Religious Affairs

kepada Penghutang tersebut di  
atas hendaklah dihadapkan  
kepada Pegawai Penerima  
Rasmi, Tingkat 2, Bangunan  
Mahkamah Besar, Bandar Seri  
Begawan, Negara Brunei  
Darussalam.

Bertarikh :  
12 Oktober 2023

Notis Kepada Pemutang untuk  
Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan  
bertarikh 7 Oktober 2023.

Notis adalah dengan ini diberikan  
bahawa satu perjumpaan  
pemutang-pemutang mengenai  
perkara di atas akan diadakan di  
Pejabat Pegawai Penerima  
Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-13),  
Mahkamah Besar pada 5 Mac  
2024, jam 9.30 Paggi.

Bagi membolehkan kamu  
mengundi di sana bukti-buktii kamu  
mestilah diserah-simpan kepada saya  
saya tidak lewat dari 24 jam  
sebelum waktu yang ditetapkan  
bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan  
di perjumpaan ini mestilah  
diserah-simpan kepada saya tidak  
lewat dari 24 jam sebelum waktu  
yang telah ditetapkan bagi  
perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi  
penghutang adalah ditetapkan  
pada 5 Mac 2024, jam 9.30 Paggi di  
Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemutang yang  
telah menyerahkan bukti, atau  
wakil-wakilnya yang diberi kuasa  
secara bertulis, bolehlah menyatakan  
penghutang semasa pemeriksaan  
awam penghutang, mengenai  
dengan hal-halnya dan juga sebab  
kegalannya.

Bertarikh :  
12 Oktober 2023

Kes No.  
BCY / CP / 251 / 2022

Baiduri Bank Sendirian Berhad  
- Pemutang Penghakiman /



Tajuk Tawaran :  
11 Disember 2023  
Tidak lewat  
Jam 2.00 Petang



Tarikh Tutup Sebut Harga :  
Rabu,  
20 Disember 2023,  
Jam 2.00 Petang

Pemetsyen

Nurashikin binti Hamdan  
(00-320213)  
- Penghutang Penghakiman /  
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah  
dibuat terhadap Penghutang yang  
berikut pada 5 Oktober 2023.

Nama dan alamat terakhir  
diketahui :  
Nurashikin binti Hamdan  
No 7, Simpang 19-5,  
Jalan Laila Bentara, STKRJ  
Kampung Mumong A,  
Kuala Belait, KA1531  
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen :  
9 September 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang  
kepada nama Penghutang yang  
tersebut di atas hendaklah  
menghadapkan borang-borang  
bukti hutang yang boleh diperoleh  
di Pejabat Pegawai Penerima  
Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang  
seharusnya dibayar kepada  
Penghutang tersebut di atas  
hendaklah dihadapkan kepada  
Pejabat Pegawai Penerima  
Rasmi, Tingkat 2, Bangunan  
Mahkamah Besar, Bandar Seri  
Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :  
12 Oktober 2023

Notis Kepada Pemutang untuk  
Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan  
bertarikh 5 Oktober 2023.

Notis adalah dengan ini diberikan  
bahawa satu perjumpaan  
pemutang-pemutang mengenai  
perkara di atas akan diadakan di  
Pejabat Pegawai Penerima  
Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-13),  
Mahkamah Besar pada 5 Mac  
2024, jam 9.15 Paggi.

>> Muka 22

## &gt;&gt; Muka 21

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **25 Januari 2024, jam 9.00 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pembiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyatakan penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**  
12 Oktober 2023

**Kes No.**  
**BCY/CP/91/2022**

**Baiduri Finance Berhad**  
- Pembiutang Penghakiman /  
Pemelisyen

**Muhammad Arsyad bin**  
**Abdullah**  
(00-054092)  
- Penghutang Penghakiman /  
Penentang

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 8 Julai 2023.

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**  
**Muhammad Arsyad bin**  
**Abdullah**  
**No 6, Simpang 1212, Kampung**  
**Pak Bidang Ukong, Tutong,**  
**TF2947,**  
**Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :**  
9 September 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**  
23 Oktober 2023

**Notis Kepada Pembiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **8 Julai 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pembiutang-pembiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-13), Mahkamah Besar pada 25 Januari 2024, jam 9.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

**IKLAN**

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **25 Januari 2024, jam 9.00 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pembiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyatakan penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**  
23 Oktober 2023

**Kes No. BCY / CP / 393 / 2018**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**Nama Penghutang** - Maisalamah binti Haji Alias (BYIC No. 00-124132) - **Alamat** - C6, Jalan Dato Simpson, Berakas Kem., Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 393 Tahun 2018. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 15% **Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama **Bila Kena Dibayar** - 26 September 2023. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**  
26 September 2023

**Kes No. BCY / CP / 397 / 2019**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**Nama Penghutang** - Dk Siti Juwaiddah binti Pg Mohd Ali (BYIC No. 00-267144) - **Alamat** - No 4, Simpang 25-3, Kampong Lambak Berakas B, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 397 Tahun 2019. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 45% **Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama **Bila Kena Dibayar** - 26 September 2023. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**  
26 September 2023

**Kes No. BCY / CP / 172 / 2018**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**Nama Penghutang** - Siti Aminah binti Adilah (BYIC No. 00-294670) - **Alamat** - No 23, Simpang 73, Kg Sinarubai, Jalan Bengkurong Masin, Bandar Seri Begawan, BC2120, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 172 Tahun 2018. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 66% **Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama **Bila Kena Dibayar** - 26 September 2023. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**  
26 September 2023

**Kes No. BCY / CP / 141 / 2019**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**Nama Penghutang** - Dayangku Noormawati binti Pengiran Haji Jaludin (BYIC No. 00-080000) - **Alamat** - No 11, Simpang 791-29-13-18-6, Kg Sungai Buloh, Jalan Muara, BU1229, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 141 Tahun 2019. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 51% **Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama **Bila Kena Dibayar** - 26 September 2023. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**  
26 September 2023

**Kes No. BCY / CP / 89 / 2017**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**Nama Penghutang** - Aisah binti Mohd Ibrahim @ Lelawai (BYIC No. 00-287605) - **Alamat** - No 39, Kg Madang, Jalan Madang, BC3715, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 89 Tahun 2017. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 42% **Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama **Bila Kena Dibayar** - 26 Ogos 2023. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**  
6 September 2023

**Kes No. BCY / CP / 420 / 2009**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**Nama Penghutang** - Raduan bin Hidup (BYIC No. 00-264611) - **Alamat** - No 18, Simpang 415-73, Jalan Wasai Limuru, RPN Tanah Jambu, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 539 Tahun 2009. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 61% **Pertama atau terakhir selainnya** - Kedua **Bila Kena Dibayar** - 26 Ogos 2023. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**  
6 September 2023

**Kes No. BCY / CP / 341 / 2012**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua**

**Nama Penghutang** - Azman bin Haji Ahmad (BYIC No. 00-115471) - **Alamat** - No 31, Simpang 337, Kg Sungai Tilong, Jalan Muara, BC3315, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 341 Tahun 2012. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 34% **Pertama atau terakhir selainnya** - Kedua **Bila Kena Dibayar** - 26 September 2023. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**  
26 September 2023

**Kes No. BCY / CP / 19 / 2007**

**Notis Mengenai Pembayaran****Komposisi Kedua**

**Nama Penghutang** - Suhaili bin Haji Kashim (BYIC No. 00-057727) - **Alamat** - No 5A, Simpang 96-12, Kg Sungai Buloh, Jalan Kota Batu, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 157 Tahun 2008. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100% **Pertama atau terakhir selainnya** - Terakhir **Bila Kena Dibayar** - 9 Oktober 2023. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**  
10 Oktober 2023

Osman (BYIC No. 30-208145) - **Alamat** - No 2, Simpang 108, Jalan Binglu Utara, RPN Kg Meragang, Muara, BT2728, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 157 Tahun 2008. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100% **Pertama atau terakhir selainnya** - Terakhir **Bila Kena Dibayar** - 9 Oktober 2023. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**  
10 Oktober 2023

**Kes No. BCY / CP / 17 / 2013**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Ketiga**

**Nama Penghutang** - Haji Shamsuri bin Haji Tuah (BYIC No. 00-129107) - **Alamat** - No 14, Simpang 74-59-108-37-122, STKRJ Kampung Katok B, Mata-Mata, BB1918, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 17 Tahun 2013. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 51% **Pertama atau terakhir selainnya** - Ketiga **Bila Kena Dibayar** - 26 September 2023. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**  
26 September 2023

**Kes No. BCY / CP / 659 / 2009**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Ketiga**

**Nama Penghutang** - Bungsu bin Berahim (BYIC No. 00-046387) - **Alamat** - No 106, Simpang 126, STKRJ Kampung Rimba Gadong, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 659 Tahun 2009. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 49% **Pertama atau terakhir selainnya** - Ketiga **Bila Kena Dibayar** - 9 Oktober 2023. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**  
10 Oktober 2023

**Kes No. BCY / CP / 659 / 2009**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Ketiga dan Terakhir**

**Nama Penghutang** - Junaidah binti Durano (BYIC No. 00-254061) - **Alamat** - No 1, Simpang 1030, Kg Tanah Jambu, Jalan Muara, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 659 Tahun 2009. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100% **Pertama atau terakhir selainnya** - Terakhir **Bila Kena Dibayar** - 7 Oktober 2023. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**  
10 Oktober 2023

**Kes No. BCY / CP / 260 / 2015**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**Nama Penghutang** - Norasmali bin

>> Muka 23

**>> Muka 22**

**Nama Penghutang** - A Zulkapli bin Abd Zayas (Allahyarham) (BYIC No. 00-075966) - **Alamat** - No 33, Kampong Limau Manis, Jalan Kuala Lurah, BH2323, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 260 Tahun 2015. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 57% Pertama atau terakhir selainnya - Terakhir Bila Kena Dibayar - 26 September 2023. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**  
26 September 2023

**Kes No. BCY / CP / 218 / 2009**
**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**Nama Penghutang** - Aminah binti Abdullah (BYIC No. 00-124702) - **Alamat** - No G-12, Jalan Waspada, Muara Kem, BT1328, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 218 Tahun 2009. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100% Pertama atau terakhir selainnya - Terakhir Bila Kena Dibayar - 14 September 2023. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**  
13 September 2023

**Kes No. BCY / CP / 380 / 2014**
**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**Nama Penghutang** - Mohd Azhar bin Haji Abdul Kahar (BYIC No. 00-253258) - **Alamat** - No 134, Kampong Bukit Sibut, Jalan Tanjung Maya, Tutong, TA2541, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 380 Tahun 2014. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100% Pertama atau terakhir selainnya - Terakhir Bila Kena Dibayar - 26 Ogos 2023. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**  
6 September 2023

**Kes No. BCY / CP / 44 / 2017**
**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**Nama Penghutang** - Mardhiah binti Haji Omar (BYIC No. 00-271514) - **Alamat** - No 50, Jalan 77, Perpindahan Lambak Kanan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 44 Tahun 2017. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100% Pertama atau terakhir selainnya - Terakhir Bila Kena Dibayar - 7 Oktober 2023. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**

10 Oktober 2023

**Kes No. BCY / CP / 91 / 2007**
**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**Nama Penghutang** - Kaharuddin bin Haji Metussin (Allahyarham) (BYIC No. 00-074057) - **Alamat** - No 62, Jalan 77, Kg Perpindahan Lambak Kanan, Berakas, BC2515, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 91 Tahun 2007. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 2.81% Pertama atau terakhir selainnya - Terakhir Bila Kena Dibayar - 10 Oktober 2023. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**  
10 Oktober 2023

**Kes No. BCY / CP / 217 / 2006**

**Baiduri Bank Sendirian Berhad**  
- Pemutang / Pemetisyen

**Malai Yohana Sheikh Othman (00-036902)**  
- Penghutang / Penentang

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila ambil perhatian :

A. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **30 September 2023**.

**Nama dan Alamat Bankrap :**  
Malai Yohana Sheikh Othman No. 487, Kampung Lambak, Jalan Pasir, Berakas, BB1314, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Permohonan :**  
12 Ogos 2023

B. Semua sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

C. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**  
9 Oktober 2023

**Kes No. BCY / CP / 533 / 2019**

**Bank Islam Brunei Darussalam Berhad**  
- Pemutang / Pemetisyen

**Mohamad Ali Hassan bin Haji Adris (00-270478)**  
- Penghutang / Penentang

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila ambil perhatian :

A. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **21 September 2023**.

**Nama dan Alamat Bankrap :**  
Mohamad Ali Hassan bin Haji Adris No. 54, Simpang 38, Jalan Taripas, RPN Kampung Panaga, Seria, KB4533

**Negara Brunei Darussalam.**

**Tarikh Permohonan :**  
4 Julai 2023

B. Semua sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

C. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**  
25 September 2023

**Kes No. BCY / CP / 120 / 2008**

**BIBD AT Tamwil Berhad**  
- Pemutang / Pemetisyen

**Norismawati binti Abd Rahman (00-280503)**  
- Penghutang / Penentang

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila ambil perhatian :

A. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **21 September 2023**.

**Nama dan Alamat Bankrap :**  
Norismawati binti Abd Rahman No. 88, Jalan 77, Simpang 47 / 47-6, Kampung Perpindahan Lambak Kanan, BC2515, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Permohonan :**  
7 Ogos 2023

B. Semua sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

C. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**  
25 September 2023

**Kes No. BCY / CP / 130 / 2017**

**HSBC Finance (Brunei) Berhad**  
- Pemutang / Pemetisyen

**Ana Salwa binti Dullah / Bungsu (00-272924)**  
- Penghutang Penghakiman / Penentang

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 10 Ogos 2017 telah dibatalkan pada **30 September 2023**.

**Nama Penghutang :**  
Ana Salwa binti Dullah / Bungsu

**Alamat Penghutang :**  
No 605-B, Kampung Sungai Besar, Jalan Kota Batu, Bandar Seri Begawan, BD2517, Negara Brunei Darussalam

**Bertarikh :**

9 Oktober 2023

**Kes No. BCY / CP / 706 / 2009**

**Bank Islam Brunei Darussalam Berhad**  
- Pemutang / Pemetisyen

**Dom Anak Moit (00-113826)**  
- Penghutang Penghakiman / Penentang

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 20 Januari 2011 telah dibatalkan pada **23 September 2023**.

**Nama Penghutang :**  
Dom Anak Moit

**Alamat Penghutang :**

No 4, Simpang 1760,  
Jalan Batang Duri, Ulu Temburong,  
Negara Brunei Darusalam

**Bertarikh :**

**Kes No. BCY / CP / 447 / 2015**

**Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei**  
- Pemutang / Pemetisyen

**Kasmardy bin Dullah (00-259677)**  
- Penghutang Penghakiman / Penentang

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 12 Disember 2015 telah dibatalkan pada **28 Oktober 2023**.

**Nama Penghutang :**  
Kasmardy bin Dullah

**Alamat Penghutang :**  
Block C2, RMC2H. Perumahan Polis Istana Nurul Iman, Kampung Beribi, Jalan Babu Raja, Gadong, BE1829  
Negara Brunei Darusalam

**Bertarikh :**

**Kes No. BCY / CP / 299 / 2008**

**Standard Chartered Finance (Brunei) Berhad**  
- Pemutang / Pemetisyen

**Haji Awang bin Akop (00-033293)**  
- Penghutang Penghakiman / Penentang

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 20 Mac 2010 telah dibatalkan pada **28 Oktober 2023**.

**Nama Penghutang :**  
Haji Awang bin Akop

**Alamat Penghutang :**  
No 70, Simpang 70, Jalan Jaya Indera, STKRJ Kampung Mumong A, Kuala Belait, Negara Brunei Darusalam

**Bertarikh :**

**Dk Siti Nursu'aidah binti Pg Jufrizar @ Pg Tajuddin**  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
B/P Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar

# مجالس علم

MAJLIS ILMU 2023

سمبوتن فرایاءن هاری ھتراءن ڪباوه دولي يقمه مليا ڦادک سري ٻڪندا  
سلطان دان ڀعقد ٿو ان نڪارا ٻروني دارالسلام ٢٧-٢٨ تاهون

## مناجات سنگارا غُر توبه

Munajat Senegara Dengan Taubat

### MAJLIS PERASMIAN MAJLIS ILMU 2023

Khamis | 9 Jamadilawal 1445H bersamaan 23 November 2023M | Bermula 8.00 pagi

### FORUM PERDANA MAJLIS ILMU 2023

Sabtu | 11 Jamadilawal 1445H bersamaan 25 November 2023M | Bermula 1.30 petang

### CERAMAH PERDANA MAJLIS ILMU 2023

Iasnin | 13 Jamadilawal 1445H bersamaan 27 November 2023M | Bermula 8.45 pagi

### SEMINAR MAJLIS ILMU 2023

Khamis

9 Jamadilawal 1445H  
23 November 2023M  
2.00 petang

Iasnin

13 Jamadilawal 1445H  
27 November 2023M  
2.00 petang

Selasa

14 Jamadilawal 1445H  
28 November 2023M  
9.00 pagi dan 2.00 petang

### PAMERAN MAJLIS ILMU 2023

Khamis hingga Rabu

09 Jamadilawal 1445H hingga 16 Jamadilawal 1445H | 23 November 2023M hingga 29 November 2023M  
(Pameran terbuka bagi kunjungan orang ramai)

**BERTEMPAT: PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA (ICC)  
BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### PROGRAM MUNAJAT DAN TAUBAT SENEGARA

Sabtu | 18 Jamadilawal 1445H bersamaan 2 Disember 2023M | 5.30 petang

Diadakan secara serentak di Masjid-Masjid Utama di keempat-empat daerah

Jame 'Asr Hassanal Bolkiah  
(Daerah Brunei dan Muara)

Masjid Hassanal Bolkiah  
(Daerah Tutong)

Masjid Muhammad Jamalul Alam  
(Daerah Belait)

Masjid Utama Mohammad Salleh  
(Daerah Temburong)

### PROGRAM CERAMAH SEMPENA MAJLIS ILMU 2023

Khamis | 23 Jamadilawal 1445H bersamaan 7 Disember 2023M | 9.00 pagi

Dewan Serbaguna Ma'had Islam Brunei  
Daerah Tutong

Pusat Insani, Seria  
Daerah Belait

Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan  
Pekan Bangar, Daerah Temburong

Pengjur Bersama





DAYANG Nik Hafimi binti Abdul Haadil selaku Pengerusi Majlis Penasihat Perniagaan APEC Brunei menyampaikan ucapan pada forum berkenaan.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 23 November. - Negara Brunei Darussalam (NBD) kekal komited untuk mencapai Agenda 2030 bagi Pembangunan Lestari, selaras dengan Wawasan Negara, memajukan negara ke arah matlamatnya iaitu mempunyai penduduk yang berpendidikan dan berkemahiran, mempunyai kualiti hidup yang tinggi serta dinamik dan ekonomi yang mampan.

Perkara ini telah digariskan dalam 'Brunei Darussalam's Second Voluntary National Review 2023, High Level Political Forum on Sustainable Development, United Nations'.



ANTARA yang menghadiri forum berkenaan di Radisson Hotel.

# MENGIMBANGI PERTUMBUHAN PERNIAGAAN MESRA IKLIM

Sehubungan itu, Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN dan APEC Brunei - The ASEAN and APEC Business Advisory Councils of Brunei dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah menganjurkan Forum Ekonomi Lestari 2023 bertemakan 'Garis Lestari: Pertumbuhan dan Komitmen Iklim', bertempat di Radisson Hotel, di ibu negara.

Para ahli panel forum terdiri daripada General Manager and Country Chair, Total Energies EP (Brunei) B.V., Jerome Saniez; Ketua Pegawai Pemasaran, Bank Islam Brunei Darussalam, Dayang Hajah Nurul Akmar binti Haji Md. Jaafar; Director of Programmes & SME Center of Excellence, UN Global Compact Network for Malaysia & Brunei (UNGCMYB), Shanta Helena Dwarkasing; Ketua Sekretariat Perubahan Iklim Brunei, Ir. Ahmad Zaiemaddien bin Pehin Datu Lailaraja Mejor Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi; dan Ketua Peralihan Tenaga, Brunei Shell Petroleum, Shirley Sikun selaku moderator. Terdahulu, Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Dynamik Technologies selaku Pengerusi



PARA ahli panel semasa Forum Ekonomi Lestari 2023 bertemakan 'Garis Lestari: Pertumbuhan dan Komitmen Iklim'

Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN Brunei, Dayang Haslina binti Haji Mohd. Taib dan Pengarah Eksekutif LVK Group selaku Pengerusi Majlis Penasihat Perniagaan APEC Brunei, Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadil.

Forum tersebut bertujuan untuk menyerlahkan komitmen NBD kepada masa depan yang mampan dan meneroka peranan perniagaan dalam mencapai matlamat kebangsaan.

NBD memainkan peranannya di peringkat global yang mana pada tahun 2021, di bawah Pengerusi ASEAN Brunei, ia telah dipersetujui oleh Negara-negara Anggota ASEAN untuk menubuhkan Pusat Perubahan Iklim ASEAN (ACCC) di NBD.

Pada tahun 2022, 21 ahli ekonomi APEC, termasuk NBD, telah menerima pakai Matlamat Bangkok mengenai Ekonomi Bio-Circular-Green (BCG) - Bangkok Goals on the Bio-Circular-Green (BCG) Economy, rangka kerja yang mantap untuk menggalakkan objektif pembangunan mampan.

Sebagai Pengerusi APEC pada tahun 2023, Amerika Syarikat telah

**Berita : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**  
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

memfokuskan kelestarian melalui Agenda Manoa.

NBD komited kepada Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC) di mana 'Nationally Determined Contributions (NDC)' NBD bertujuan untuk mengurangkan jumlah pelepasan gas rumah hijau negara sebanyak 20 peratus berbanding perniagaan seperti tahap biasa menjelang 2030.

Sebanyak 10 strategi telah dibangunkan untuk mencapai matlamat menjadi karbon rendah dan berdaya tahan iklim, seperti mengurangkan pelepasan industri, meningkatkan carbon sink, meningkatkan tenaga boleh diperbaharui kepada 30 peratus campuran penjanaan dan mengurangkan sisa kepada 1 kilogram setiap orang sehari.

Hasil kebangsaan Matlamat 2 Wawasan 2035 adalah Persekitaran Lestari dan untuk mencapai Wawasan 2035 sekali gus sasaran perubahan iklim

Brunei, masyarakat perniagaan Brunei mesti memainkan peranan.

Forum Ekonomi Lestari Brunei dapat memberi peluang kepada usahawan, pegawai kerajaan, dan pihak berkepentingan lain untuk membincangkan cabaran dan peluang mengimbangi pertumbuhan perniagaan dan menjadi mesra iklim.



DAYANG Haslina binti Haji Mohd. Taib selaku Pengerusi Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN Brunei semasa menyampaikan ucapan.

**Jangan Memandu ketika mengantuk**

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA

#YOUandME

Always Wear a seatbelt  
No mobile phones while driving  
Speeding is dangerous  
Do not drive under influence  
Wear helmet and proper attire while riding  
Always watch out for other road users  
Always check tyres

[www.mkkjr.gov.bn](http://www.mkkjr.gov.bn)

**MINDA PEMBACA**

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

- 'Pertahankan Sejarah Warisan Negara'. Tarikh Tutup : 29 November 2023
- 'Persiapan Belia Hadapi Cabaran Pekerjaan'. Tarikh Tutup : 6 Disember 2023
- 'Amalkan Berbelanja Secara Berhemah'. Tarikh Tutup : 13 Disember 2023

**TERMA DAN SYARAT :**

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkah dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel : [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

**Menangi BND75**  
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# MEMBANGUN DASAR MARITIM STRATEGIK, RELEVAN

**JERUDONG**, Rabu, 22 November. – Meskipun sebuah negara yang kecil, Negara Brunei Darussalam (NBD) akan terus berusaha untuk membangun dalam industri



UCAPAN alu-aluan dari Pengerusi Eksekutif, Belait Shipping Company Sdn. Bhd., Haji Awang bin Haji Ali (atas).



maritim dengan melabur dalam infrastruktur moden, memupuk kerjasama antarabangsa, melaksanakan amalan mampan dan menyediakan latihan khusus kepada tenaga kerja.

Membangunkan dasar maritim strategik yang relevan adalah penting untuk memajukan lagi pembangunan NBD dalam industri untuk memberi manfaat kepada negara dan ASEAN secara keseluruhan.

Perkara berkenaan dijelaskan oleh Pengerusi Eksekutif, Belait Shipping Company Sdn. Bhd., Haji Awang bin Haji Ali selaku Pengerusi Persekutuan Persatuan Pemilik Kapal ASEAN (Federation of ASEAN Shipowners' Associations – FASA) dalam ucapan alu-aluannya semasa Perjumpaan Penglibatan Industri Maritim (Maritime Industry Engagement Meeting) sempena Mesyuarat EXCO FASA Ke-59

yang berlangsung di Business Centre, The Empire Brunei, di sini.

Terdahulu itu, Haji Awang menjelaskan, objektif perjumpaan berkenaan adalah untuk menyediakan platform bagi kedua-dua pemain industri tempatan dan asing serta pihak berkepentingan untuk bertukar-tukar idea, belajar dan berkongsi pengetahuan, terutamanya dalam bidang kerja rangka kawal selia, amalan terbaik industri dan berpotensi meneroka peluang terutamanya dalam bidang maritim dan industri berkaitan marin.

Baru-baru ini tambahnya lagi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah mengumumkan pelancaran Kluster Maritim Brunei Darussalam, yang menggariskan komitmen Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk merangsang dan memudahkan pembangunan sektor bukan minyak dan gas sebagai sebahagian daripada matlamat Wawasan Brunei 2035 ke arah ekonomi yang dinamik dan mampan.

Ini katanya, adalah sebahagian daripada rancangan NBD di bawah Wawasan Brunei 2035 untuk memajukan lagi industri berkaitan maritim dan marin sebagai sebahagian daripada pembangunan sektor bukan minyak dan gas.

Dalam konteks rantau Asia



ANTARA yang hadir pada Mesyuarat EXCO FASA Ke-59 yang berlangsung di Business Centre, The Empire Brunei (atas dan bawah kiri).

Tenggara tambahnya, NBD masih memainkan peranan yang sederhana dalam industri maritim, walaupun ia mempunyai garis pantai di sepanjang Laut China Selatan, aktiviti maritim tidak begitu menonjol seperti negara jiran, terutamanya kerana penglibatan utama NBD dalam pengeluaran minyak dan gas luar pesisir, yang mempengaruhi industri maritim dengan ketara.

Acara kemudian diteruskan dengan pembentangan kertas kerja bertajuk 'Penerangan mengenai FASA dan Laporan Aktiviti Semasa' (Brief On FASA and Reports On Current Activities) yang disampaikan oleh Setiausaha Agung FASA, Michael Phoon, diikuti dengan pembentangan kertas kerja bertajuk 'Kemas kini Kerjasama NBD bersama Negara Ahli Organisasi Maritim Antarabangsa' (Updates On Brunei Darussalam's Collaboration With International Maritime Organization's Member States' yang disampaikan oleh Penolong Ketua Eksekutif Pihak Berkua

Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD), Dayang Salmaya Rahayu binti Salleh.

Manakala, Advisor of Bureau Veritas Marine and Offshore Malaysia Brunei Region, Ir. Haji Othman bin Abdul Kadir pula membentangkan kertas kerja bertajuk 'Membolehkan Laluan ke Dekarbonisasi' (Enabling Pathways to Decarbonisation), dan Head Shipping Engagement of Information Fusion Centre, Daniel Ng pula menyampaikan kertas kerja bertajuk 'Introduction To Information Fusion Centre'.

Antara tujuan perjumpaan berkenaan ialah untuk memanfaatkan kehadiran ahli FASA di NBD, selain menyediakan platform unik untuk pihak berkepentingan tempatan dalam melibatkan diri dengan mereka.

Selain itu, wakil-wakil daripada pemilik kapal tempatan, syarikat maritim dan pihak berkuasa kerajaan yang akan terlibat dalam cabaran industri semasa, prospek masa depan dan meneroka peluang kerjasama.

## 167 pelajar Sekolah Rendah YSHHB diraikan



AWANG Ahmad Jefri bin Abdul Rahman selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB semasa hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para penerima (atas kiri dan atas kanan). Manakala gambar kanan, Guru Besar Sekolah Rendah YSHHB, Dayang Hajah Mariam binti Haji Ladi semasa menyampaikan ucapannya.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 22 November. - Seramai 167 pelajar dari Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (Sekolah Rendah YSHHB) telah menduduki peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) pada tahun ini.

Sehubungan dengan itu, para pelajar berkenaan pagi tadi diraikan pada Majlis Konvokesyen, Penyampaian Hadiah dan Sijil Pelajar Terbaik Tahun 6, 2023 yang diadakan di Dewan Serbaguna, sekolah berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Penolong Pengarah Urusan

Agensi Pelaburan Brunei, Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB.

Dalam ucapan alu-aluannya, Guru Besar Sekolah Rendah YSHHB, Dayang Hajah Mariam binti Haji Ladi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para pelajar.

Beliau menasihatkan agar terus berusaha dengan lebih gigih lagi apabila berada di sekolah menengah pada tahun depan.

"Settinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua guru dan ibu bapa yang telah

bergabung usaha dan tidak jemu-jemu bertungkus lumus mendidik, memberikan dorongan, sokongan dan pengorbanan serta pemedulian yang tinggi yang menjadi penyumbang besar kepada kejayaan sekolah ini," tambahnya.

Dalam kesempatan itu juga, beliau mengalu-alukan para pelajar untuk dapat meneruskan pelajaran mereka ke Tahun 7 di Sekolah Menengah YSHHB.

Dengan pengalaman lebih kurang 10 tahun, di samping mempunyai pelbagai kemudahan serta guru-guru yang

berkelayakan, Sekolah Menengah YSHHB sudah setentunya dapat memberikan suasana pembelajaran yang kondusif dan dapat memberikan pendidikan yang lebih baik, di samping pengalaman yang sangat berguna kepada para pelajar.

Dengan menyambung pelajaran di Sekolah Menengah YSHHB, ia akan dapat membina satu kesinambungan pendidikan yang mereka jalani di Sekolah Rendah YSHHB dan asas yang dipupuk sejak di TASKA lagi.

Majlis diselanjurkan dengan penyampaian sijil dan hadiah

kepada para pelajar Tahun 6 dan penerima hadiah pelajar terbaik seramai 18 orang.

Juga hadir ialah Ahli-ahli Jawatankuasa Persatuan Ibu Bapa dan Guru, para ibu bapa serta keluarga pelajar yang diraikan.

Seramai 10 tenaga pengajar ditugaskan untuk mengajar para pelajar termasuk bimbingan daripada guru Learning Support Centre.

Selama tiga tahun para pelajar didedahkan dengan pengajaran dan pembelajaran menjurus kepada tajuk-tajuk soalan PSR Tahun 4, Tahun 5 dan Tahun 6.



Oleh : Pg. Siti Redzaimi  
Pg. Haji Ahmad  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



kepada para pelajar Tahun 6 dan penerima hadiah pelajar terbaik seramai 18 orang.

Juga hadir ialah Ahli-ahli Jawatankuasa Persatuan Ibu Bapa dan Guru, para ibu bapa serta keluarga pelajar yang diraikan.

Seramai 10 tenaga pengajar ditugaskan untuk mengajar para pelajar termasuk bimbingan daripada guru Learning Support Centre.

Selama tiga tahun para pelajar didedahkan dengan pengajaran dan pembelajaran menjurus kepada tajuk-tajuk soalan PSR Tahun 4, Tahun 5 dan Tahun 6.

berkelayakan, Sekolah Menengah YSHHB sudah setentunya dapat memberikan suasana pembelajaran yang kondusif dan dapat memberikan pendidikan yang lebih baik, di samping pengalaman yang sangat berguna kepada para pelajar.

Dengan menyambung pelajaran di Sekolah Menengah YSHHB, ia akan dapat membina satu kesinambungan pendidikan yang mereka jalani di Sekolah Rendah YSHHB dan asas yang dipupuk sejak di TASKA lagi.

Majlis diselanjurkan dengan penyampaian sijil dan hadiah

# Insani



Oleh : Sumi Lena  
Ilustrasi : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

**J**IWANYA mekar, disimbah nur yang tidak pernah lesu berarak dari tubuh kecil itu. Kala berhari dirinya menjaga anak itu seperti anaknya sendiri, hatinya rasa tenang dan yakin. Rasa takut dan hingar bingar dibubarkan demi kejayaan dalam apa segala urusan pun yang berkaitan dengan anak kecil itu. Jikalau bukan dia, siapa lagi? Tubuh kecil itu belum mampu lagi untuk menjaga dirinya sendiri.

Seperti yang dikatakan oleh Fyodor Dostoevsky, "The soul is healed by being with children."

Melihat anak kakaknya yang berumur lapan bulan, Malina merasa dirinya jauh ketinggalan meskipun hakikatnya hidup bukanlah suatu perlumbaan.

"Memberi gerigitan. Pipi lagi tabam," ujar Malina, menahan rasa.

Dia melihat anak sebagai satu cahaya yang menerangi kehidupannya yang suram, menerangi jalan supaya dirinya dapat melihat dengan lebih jelas akan jalan yang diambil olehnya. Bukan suatu beban, namun ianya memerlukan dedikasi dan kasih sayang berserta kesabaran untuk menjaga 'cahaya' tersebut.

Gementar? Ya.

Takut? Ya.

Tetapi dia juga merasa gembira dan teruja.

Sudah berulang kali dia memberitahu dirinya sendiri - dan juga orang lain menasihatinya - perkara itu bukanlah suatu tanggungjawab kecil.

Penghijrahan ke alam dewasa yang penuh dengan tanggungjawab dan dugaan, memerlukan keberanian, ketulusan dan pemikiran rasional. Jika kita tidak mampu menjaga diri sendiri, bagaimana kita hendak menjaga orang lain?

Rutin harian Malina hampir sebatи dengan dirinya; masak air setelah bangun pagi, sementara air masak dia mencuci pinggan dan periuk (jika ada),

membersihkan dapur dan ruang meja makan. Setelah air masak, Malina menyediakan teh dan kopi berserta sarapan mudah seperti telur separuh masak, nasi goreng, roti bakar dan sebagainya. Sarapan ini disediakan untuk keluarganya dan dirinya sendiri. Jikalau kedua-dua adiknya belum bangun dari tidur, Malina akan membangunkan mereka dengan separa perlahan; dia merasa tidak perlu untuk berkasar atau meninggikan suara.

Setelah keluarganya selesai menggunakan bilik mandi dan berangkat pergi ke sekolah dan tempat kerja, barulahgilirannya untuk mandi pagi dan membersihkan bilik mandi tersebut.

Mengelap wap yang mengaburi cermin tergantung di bilik mandi itu, dia terhenti memberus gigi sejenak bila sepasang matanya bertemu refleksi wajahnya, lesu dan tak bermaya. Di pinggir perasaannya tersimpan suatu niat untuk berwajahkan bahagia tetapi dia tidak tahu bagaimana, lebih lagi dengan keadaan kehidupannya ketika itu. Namun dia tidak ingin berhenti (melangkah ke hadapan), jikalau dia berhenti serasa berputus asa, dan putus asa serasa mati.

Di saat dia bersedih, dia merasa maruah dan keyakinan dirinya dirompak lalu dibuang sewenang-wenangnya tanpa sedikit pun belas kasihan. Salah satu masa di mana dia terserempak dengan kejahatan manusia yang bersarang di jiwa.

"Bila kau kan berinut lai? Lama sudah mama liat kau ani inda pandai kan begarak dari rumah ani, cuba tah ambil angin di luar, kanakan matahari bah kulit atu."

Malina melabuhkan punggungnya di sofa tanpa sebarang minat di hatinya.

"Kalaupun menyamankan hati mama ganya, baik inda payah..." ujar Rohaya secara lembut.

Malina mengeluh, "Kan mama jua yang nyuruh. Mun inda diikuti, marah mama."

Kata balasnya disambut Rohaya dengan resah, "Mama kesiankan kau saja..."

### Di rumah Haji Yasin

Menyusun gambar-gambar - ada yang berbingkai dan ada yang tiada berbingkai - di dalam almari kaca, memastikan semuanya rapi dilihat dari luar, datuknya dapat bergerak dengan bantuan tongkat meskipun perlahan. Duduk di sofa warna jingga muda tidak jauh dari bapa saudara dan emak saudaranya, mata Malina beralih sekali-sekala dari televisyen - yang ketika itu menyiarkan sebuah rancangan mengenai tarian tradisional di TV1 - ke arah datuknya yang sedang menyusun gambar itu.

"Bah lai, makan tah, ada makanan di dapur," ujar neneknya yang baru keluar dari ruang dapur.

Malina serta bapa saudara dan emak saudaranya bergerak ke ruang dapur. Ubi ketang, ikan asam kari, nasi putih dan sayur pucuk ubi untuk makan tengah hari. Radio kecil di dapur itu menyiarkan lagu-lagu lapan-puluhan.

Di ruang tamu, neneknya menyiapkan makanan ke mulut datuknya yang sedang duduk di atas kerusi roda.

Lepas makan tengah hari, datuknya bergerak sendiri menggunakan kerusi roda ke beranda, merenung dan mengambil udara segar.

Nampak tubuh datuk duduk bersandar di sofa kulit di beranda, memakai baju putih dan berseluas ungu yang memudar serta memakai topi haji, sesekali melaras kaca matanya ketika membaca buku kecil yang dipegang olehnya di tengah hari terik itu. Melihat buku yang dipegangnya itu, Malina teringatkan Ask The Dust oleh John Fante - dia tahu akan nama itu hanya kerana filem The Words, lakonan Bradley Cooper - meskipun dia belum pernah

membaca buku tersebut.

Malina rasa kekok untuk berbual dengan datuknya setelah lama tidak berjumpa. Apa yang patut dikatakan? Bagaimana hendak memulakan perbualan?

"Kalau inda keraja, datang sini..." ujar datuknya dengan nada perlahaan separa-sayu.

"Mmm," gumam Malina seraya mengangguk perlahaan.

Namun selepas itu, meskipun mempunyai masa, Malina tiada berkunjung ke rumah datuknya. Separa sedarnya tahu yang dirinya malu dan kecawa dengan keadaan dirinya ketika itu (berbanding dengan ahli keluarga yang lain dan saudara-maranya yang sudah pun mempunyai pekerjaan yang stabil serta mempunyai keluarga sendiri) dan juga kejanggalan dirinya yang susah ingin berkomunikasi dengan datuk dan neneknya.

### Kepompong keselesaan

Masanya digunakan untuk membaca, membaca dan seterusnya membaca.

Dalam masanya membaca buku, dia merasa suatu hubungan dengan karakter-karakter dalam nukilan itu. Seolah penulis buku itu mengenali sebahagian dari dirinya atau sekurang-kurangnya memahami apa yang dilaluiinya ketika itu, atau apa yang pernah dilaluiinya.

Seperti yang pernah dikatakan oleh David Foster Wallace, "The purpose of fiction is to combat loneliness"; terjemahan secara mudahnya adalah tujuan fiksi / cerita buat-buatannya adalah untuk melawan kesunyian.

Dan untuk setiap sesi membaca, kesunyian itu terubat, begitu juga dengan keperitan dari masa lalu.

"Mama ni bukannya apa, sekurang-kurangnya kalau kamu semua bekawin sudah, ada urang jaga kamu, pandai jaga diri sendiri, nanti bila mama nada, inda jua ingau..." ujar emaknya dengan nada bersahaja.

"Asta, jangan cakap inda tantu

ani." balas suaminya, yang berada di ruang makan ketika itu. Nada suara bapa Malina tersebut sedikit tegang namun bukanlah marah terhadap isterinya, ianya lebih kepada mlarang isterinya untuk berkata tentang ajalnya.

### Pada keesokan harinya

Mengelak daripada bertentangan mata sesama sendiri, suasana masih separuh tegang, menunggu penamat kata supaya mereka berdua boleh beredara dari situ.

"Em...Malina," mula Zaim berhati-hati, "yang banarnya..." belum sempat dia menghabiskan ayatnya, Malina telah berucap, "/ know. Aku datang sini pun pasal mamaku suruh jua."

"Oh," jawab Zaim, kurang pasti apa yang ingin dikatakan.

"Inda papa," Malina mula menyambung percakapannya, "Aku pun sama perasaan macam kita jua."

Senyum simpul terukir di wajah Zaim, "Okaylah kalau cematu. By the way, inda payah be-'kiti' sama aku. Tua banarkah usul ku?"

Malina ketawa kecil dengan usikan Zaim itu, sejurus dia menggeleng perlahaan.

Tidak terdaya hatinya untuk mula membenci lelaki yang sudah pun pernah sekali gus melakukan perasannya dan menambat hatinya.

Sepertimana yang pernah dikatakan oleh seseorang di sesuatu tempat pada suatu masa yang tertentu, perjuangan anak muda atau populasi umum pada abad ini bukanlah suatu perjuangan yang fizikal, ianya suatu perjuangan rohaniah.

Masih belum tercapai satu titik persefahaman antara generasi muda dan generasi lalu (tua) kerana masing-masing masih berkeras dengan modus operandi mereka tanpa kompromi. Satu pihak menuduh pihak sebelah 'kolot' manakala pihak tertuduh pula membela 'terlampau liberal'.



disediakan.

## Berkunjunglah ke Pameran MI23

Apa yang diharapkan ialah agar orang ramai tidak melepaskan peluang untuk menyaksikan pameran-pameran yang disediakan yang diungkayahkan oleh Jawatan Kuasa Pameran yang terdiri daripada Jabatan Perdana Menteri, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan KUPU SB pada tahun ini. Apa yang pasti, kehadiran orang ramai bukan sahaja menjanjikan mereka akan memperolehi ilmu-ilmu yang baharu, malah mereka juga berpeluang untuk merebut hadiah-hadiah yang cukup menarik untuk dimenangi, Insya-Allah.

Pameran ini akan dibuka selama tujuh hari kepada orang ramai iaitu bermula pada hari perasmian, Khamis 23 November 2023 hingga Rabu, 29 November 2023. Pameran ini juga dibuka pada Jumaat iaitu bermula jam 2.00 petang hingga 9.00 malam dan Ahad dari jam 9.00 pagi hingga 9.00 malam. Orang ramai hanya perlu masuk ke Pusat Persidangan Antarabangsa, ICC dan pameran dijalankan di East Concourse, Lobi Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas secara percuma. Jualan beraneka makanan juga disediakan bertempat di Dewan Delima, ICC.

Perasmian Majlis Ilmu 2023 berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, juga merupakan salah satu acara utama perayaan sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77 menerusi Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu yang dikendalikan oleh Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Ugama. Majlis Ilmu juga turut diisi dengan Ceramah Perdana Majlis Ilmu 2013, Forum Perdana Majlis Ilmu 2013 dan Simposium Majlis Ilmu 2013 yang akan diadakan di semua daerah mengikut jadual yang telah ditetapkan sebelum ini. Selaku rakyat dan penduduk di negara ini perlulah memberikan sokongan dengan menghadirkan diri menyaksikan pameran Majlis Ilmu 2013 dan Simposium yang sudah tentu akan menghidangkan banyak ilmu yang penting untuk dijadikan panduan dan landasan dalam kehidupan seharian.



# Pameran Majlis Ilmu 2023, sajikan pelbagai ilmu, landasan kehidupan seharian

Rencana : Ak. Jefferi Pg. Durahman  
Foto: Ak. Jefferi Pg. Durahman, Jabatan Penerangan

**S**EJAK diungkayahkan pada tahun 2004, Majlis Ilmu telah banyak menghidangkan pelbagai ilmu pengetahuan kepada rakyat dan penduduk di negara ini sekali gus sebagai wadah mercu tanda kepimpinan intelektualisme Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Ia bermatlamat selaras dengan status negara kita sebagai negara Islam yang mengagungkan, menunjung setinggi-tingginya dan menunaikan perintah Allah, di samping mendukung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang sentiasa berpegang teguh kepada ajaran Islam dan perintah Allah Subhanahu Wata'ala.

Ia sangat bertepatan dengan objektif utama Majlis Ilmu itu diadakan iaitu menjadi mercu tanda kepimpinan intelektualisme Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam; dan sebagai wadah menghidangkan ilmu dan maklumat yang berguna serta bermanfaat kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Menariknya, Majlis Ilmu 2023 ini turut diserikan dengan Pameran Majlis Ilmu yang bertemakan dengan sub-tema 'Konsep Munajat dan Taubat: Kepentingan dan Kelebihannya', bertepatan dengan tema besar Majlis Ilmu, 'Munajat Senegara Dengan Taubat' selaras dengan pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di dalam hasrat baginda menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir yang berkonsepkan Melayu Islam Beraja (MIB).

Sehubungan dengan Majlis Ilmu 2023 ini, Penulis di Unit Meja Kandungan Khas berkesempatan membuat temu bual bersama Dr. Haji Mohd. Shahrol Azmi bin Haji Abdul Muluk, Pensyarah, KUPU SB yang juga selaku Kurator bersama Pameran Majlis Ilmu 2023 mengenai dengan Pameran Majlis Ilmu pada tahun ini.

## Konsep Pameran Majlis Ilmu 2023

Alhamdulillah, menurut Dr. Haji Mohd. Shahrol Azmi, setelah beberapa tahun Pameran Majlis Ilmu tidak dapat dilaksanakan disebabkan oleh wabak COVID-19 yang melanda dunia dan tidak terkecuali Negara Brunei Darussalam, dengan izin Allah pada tahun 2023 ini,

pameran MI23 (Majlis Ilmu 2023) kini kembali. Konsep pameran diasaskan kepada tema MI23 'Munajat Senegara Dengan Taubat' dan juga berkaitan dengan sub-tema MI23 iaitu :

1. Konsep Munajat dan Taubat: Kepentingan dan Kelebihannya
2. Perkara-perkara yang memerlukan Taubat
3. Memperkasa Munajat
4. Kepimpinan dalam munajat (mendekatkan diri kepada Allah)

Menurut Dr. Haji Mohd. Sharol Azmi lagi, pameran yang dipersembahkan lebih berbentuk paparan digital. Apa yang menarik buat julung-julung kalinya 12 skrin LED dan satu skrin LED besar telah disediakan untuk 12 agensi yang terlibat dalam sama-sama menjelaskan empat sub-tema tersebut.

## Keistimewaan Pameran MI23

Istimewanya, pendekatan pameran bukan hanya sekadar menyalurkan maklumat malah ianya juga berbentuk interaktif. QR Code juga disediakan yang mana bahan-bahan pameran seperti informasi berkaitan munajat dan taubat, doa-doa taubat dan zikir-zikir tertentu boleh dimuat turun oleh pengunjung. Selain itu, ruangan pameran ini juga akan menyediakan beberapa aktiviti menarik dan klinik-klinik tertentu kepada pengunjung-pengunjung yang hadir. Antaranya klinik bacaan surah-surah tertentu, klinik bacaan doa-doa taubat, klinik bacaan zikir-zikir yang berkaitan dengan munajat dan taubat. Sementara itu, kuiz-kuiz interaktif akan dipaparkan menerusi skrin LED besar tersebut dan setiap pengunjung berpeluang untuk memenangi hadiah-hadiah yang menarik sepanjang pameran dijalankan.

## Perisian Pameran MI23

Menerusi tema MI23 iaitu 'Munajat Senegara Dengan Taubat', perisian pameran adalah dengan mengambil kira lima objektif pameran yang telah ditetapkan iaitu :

1. Meningkatkan kefahaman masyarakat tentang konsep dan kepentingan munajat dengan taubat ke arah kehidupan yang direndah Allah Subhanahu Wata'ala
2. Mengajak masyarakat mengamalkan munajat dengan taubat secara istiqamah sebagai langkah menjaga keselamatan diri, keluarga, masyarakat dan negara serta menolak segala musibah
3. Mondokong kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam melaksanakan taujih

(bimbangan/arahan/suruhan) baginda

4. Memberikan kesedaran kepada masyarakat akan kepentingan munajat dan taubat dalam meraih keredaan Allah, sesuai dengan landskap Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir

5. Menghubungkaitkan perisian pameran dengan fokus yang dihasratkan dari Tema Majlis Ilmu 2023, iaitu memohon pertolongan dari Allah Subhanahu Wata'ala dalam apa jua keadaan yang menjelaskan kesejahteraan, keamanan dan kesihatan mental

## Tema pameran kesinambungan tema MI2020 dan MI2021

Pameran yang mempunyai kesinambungan tema-tema MI (Majlis Ilmu) sebelumnya, dilaksanakan dengan lebih menumpukan kepada meningkatkan kefahaman masyarakat tentang munajat itu sendiri. Secara umum, munajat membawa maksud bagaimana sesebuah negara atau seseorang hamba berusaha mendekatkan diri kepada Allah. Usaha tersebut boleh dilaksanakan menerusi taubat, zikir, doa dan amalan-amalan tertentu. Oleh itu, sebagai sebuah Negara Zikir, munajat kepada Allah merupakan satu usaha yang cukup besar bukan sahaja untuk berhadapan dengan pelbagai ujian atau musibah, malah ianya juga salah satu cara menzahirkan rasa syukur di atas segala nikmat yang dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala agar nikmat-nikmat tersebut akan terus kekal di bumi Brunei Darussalam.

Jelas Dr. Haji Mohd. Shahrol Azmi, COVID-19 telah mengajar kita pelbagai perkara, antaranya ialah pentingnya bersatu padu dalam sama-sama menghadapi ujian yang diberikan oleh Allah. Perpaduan pelbagai pihak menjadikan Negara Brunei Darussalam mampu untuk mengharungi ujian tersebut. Perkara itu juga dizahirkan menerusi pameran MI23 iaitu dengan mengabungkan 12 agensi terpilih yang setentunya mempunyai peranan penting dalam sama-sama mendepani wabak COVID-19 tersebut.

## Kelebihan berkunjung ke Pameran MI23

Pengunjung-pengunjung bukan hanya memperolehi ilmu penting berkaitan munajat dan taubat, mereka juga berpeluang untuk bertanyakan soalan-soalan berkaitan tema di setiap booth pameran yang disediakan. Pengunjung-pengunjung boleh menyertai kuiz terkumpul yang juga menawarkan hadiah yang menarik. Selain itu softcopy doa-doa dan zikir-zikir berkaitan munajat dan taubat juga boleh dimuat turun ke dalam telefon bimbit masing-masing dengan mengimbas QR Code yang telah

# 10 PESERTA MARA KE PERINGKAT AKHIR MENAMBANG SYAIR SEJARAH BRUNEI

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Alishahrin Haji Mumin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 22 November. – Seramai lima peserta lelaki dan lima peserta perempuan mara ke Peringkat Akhir Pertandingan Menambang Syair Sejarah Brunei Tahun 2023 anjuran Pusat Sejarah Brunei (PSB) dengan kerjasama Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (MTMIB).

Pertandingan Peringkat



Saringan yang mengambil tempat di Dewan Jawatan Dalam, PSB pagi tadi menyaksikan seramai 13 peserta terbahagi kepada dua kategori, iaitu Kategori Lelaki dan Kategori Perempuan memerdengarkan tambangan syair mereka dalam pertandingan berkenaan.

Para peserta adalah terdiri daripada peserta yang menyertai Bengkel Menambang Syair Sejarah Brunei yang berlangsung pada 15 dan 16 November 2023



yang lalu.

Para peserta membawakan syair dengan menggunakan irama tambang Begawan dengan memetik tujuh rangkap daripada salah satu daripada tiga bahan yang terpilih yang membawakan persoalan sejarah bangsa dan negara terdiri dari 'Sejarah Bangsa : Antologi Syair' (terbitan PSB : 2012); 'Syair Perlembagaan Negeri Brunei' karya Muda Omar 'Ali Saifuddien (terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei : 2006); dan 'Syair Rakis' karangan Al-Marhum Pengiran Shahbandar Pengiran Md. Salleh ibnu Pengiran Sharmayuda (terbitan PSB : 1983).

Hadir menyaksikan pertandingan berkenaan, Pemangku Timbalan Pengetua PSB, Awang Mohammad Faisal bin Haji Mat Salleh dan Pegawai Tugas-tugas Khas Kanan, Pejabat Sekretariat

ANTARA peserta yang menyertai pertandingan berkenaan.



HADIR menyaksikan pertandingan, Pemangku Timbalan Pengetua PSB, dan Pegawai Tugas-tugas Khas Kanan, Pejabat Sekretariat MTMIB.

MTMIB, Dr. Haji Ramlee bin Haji Tinkong.

Pertandingan antara lain sebagai salah satu usaha dalam memberikan pendidikan sejarah dan menyemai semangat menghargai, memelihara dan mengekalkan seni sastera warisan tradisi dalam kalangan belia.

Di samping itu, menjadi wadah dalam meningkatkan kefahaman dan penghayatan dalam kalangan

belia terhadap falsafah negara, iaitu Melayu Islam Beraja (MIB) yang menjadi asas nilai kebruneian.

Penganjuran pertandingan berkenaan juga adalah salah satu inisiatif PSB dan Pejabat Sekretariat MTMIB dalam melestarikan kecemerlangan kesultanan Brunei berdasarkan karya-karya sastera berunsur sejarah.

## Sektor Bukan Minyak dan Gas catat pertumbuhan positif

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 23 November. – Sektor Bukan Minyak dan Gas mencatatkan pertumbuhan yang positif sebanyak 4.3 peratus bagi suku kedua (Q2) 2023.

Dalam Siaran Akhbar Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), pertumbuhan tersebut adalah disumbangkan oleh peningkatan subsektor-subsektor seperti Pengangkutan Udara sebanyak 131.9 peratus dan Kewangan 79.9 peratus, diikuti oleh dan Lain-Lain Pembuatan sebanyak 34.2 peratus.

Peningkatan Subsektor Pengangkutan Udara adalah selaras dengan peningkatan jumlah ketibaan dan pelepasan penumpang udara. Manakala prestasi menggalakkan bagi Subsektor Kewangan adalah selaras dengan peningkatan pendapatan aktiviti perbankan. Peningkatan Subsektor Lain-Lain Pembuatan adalah terutamanya disumbangkan oleh pengeluaran simen berikutnya peningkatan

aktiviti-aktiviti pembinaan.

Subsektor Pembuatan Produk Petroleum dan Kimia di bawah Sektor Bukan Minyak dan Gas telah mencatatkan penurunan disebabkan oleh penurunan pengeluaran produk petrokimia dan baja urea berikutnya aktiviti-aktiviti penyelenggaraan.

Sektor Minyak dan Gas pula telah mencatatkan penurunan sebanyak 10.7 peratus yang disebabkan oleh penurunan pengeluaran minyak mentah, gas asli dan gas cecair asli (LNG).

Dengan demikian, KDNK Negara mencatatkan pertumbuhan yang negatif iaitu sebanyak 3.1 peratus bagi Q2 2023.

Sumbangan utama KDNK mengikut aktiviti ekonomi adalah Sektor Industri yang menyumbang sebanyak 62.7 peratus, diikuti oleh Sektor Perkhidmatan 35.9 peratus dan Sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan 1.4 peratus.

Jumlah KDNK Negara Brunei Darussalam pada harga semasa

pada Q2 2023 adalah sebanyak BND4.8 bilion berbanding BND6.4 bilion pada Q2 2022.


Sektor Minyak dan Gas yang merangkumi aktiviti perlombongan minyak dan gas dan pembuatan LNG dan Sektor Bukan Minyak dan Gas, yang mana termasuk aktiviti hiliran seperti pembuatan produk petroleum dan kimia, telah menyumbang pada kadar yang sama iaitu sebanyak 50.0 peratus daripada jumlah nilai tambah kasar (GVA).

Mengikut pendekatan perbelanjaan, penurunan pertumbuhan KDNK pada Q2 2023 adalah didorong oleh penurunan Eksport Barang dan Perkhidmatan sebanyak 2.1 peratus khususnya eksport barang bahan api galian. Ini diikuti oleh penurunan Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan sebanyak 4.4 peratus.

Walau bagaimanapun, Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah dan Pembentukan Modal Kasar telah mencatatkan peningkatan masing-masing sebanyak 16.3 peratus dan 19.0 peratus.

### KDNK mengikut Pendekatan Perbelanjaan pada Harga Tetap

	Q2 2022	Q2 2023	Pertumbuhan
	BND Juta	%	
Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan	1,006.7	962.7	-4.4
Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah	1,165.6	1,355.8	16.3
Pembentukan Modal Kasar	1,627.3	1,935.7	19.0
Eksport Barang dan Perkhidmatan	2,905.0	2,843.5	-2.1
<b>KDNK</b>	<b>4,543.3</b>	<b>4,403.1</b>	<b>-3.1</b>



KDNK adalah ukuran bagi jumlah nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu setelah ditolak kos barang dan perkhidmatan

yang digunakan dalam proses pengeluaran.

Laporan penuh KDNK Q2 2023 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui [deps.mofe.gov.bn](http://deps.mofe.gov.bn).

سوروهنجاى قىردىمن عوام  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
[WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN) | [WWW.SPA.GOV.BN](http://WWW.SPA.GOV.BN)

**PASTIKAN AWDA MEMENUHI SYARAT-SYARAT KELAYAKAN BAGI JAWATAN YANG AKAN DIPOHON**

Maklumat profil yang **tidak lengkap** dan **tidak memenuhi syarat kelayakan** Skim Iklan akan **tidak disenaraipendekkan**

Info Penuh Senarai Iklan

Bilangan Iklan: 2022/AUG/33

Jawatan: PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II

Kementerian: KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Jabatan: PUSAT SEJARAH BRUNEI

Unit:

Iklan: 1

Tarikh Gol: 3.2.2023

Kekongsong: 1

Jenis Iklan: TPA

Tarikh Mula: 05 SEPTEMBER 2022

Tarikh Tutup: 19 SEPTEMBER 2022

**KELAYAKAN MINIMUM:**

- (a) **ZANZOGANAH II**:  
Tanda tangan atau sebarang dokumen foliod atau surat rasmi / Pengesahan / Permohonan / Kepujian / Uraikan/ Surat Rasmi.
- (b) **ZANZOGANAH III**:

**Syarat-Syarat Am:**

- (a) PEMERSON kerdiqida Rakyat Belahan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (b) Pemohon mempunyai pengalaman kerja selama 3 tahun atau lebih dalam bidang teknikal dan profesional.
- (c) Pemohon mempunyai pengalaman kerja selama 3 tahun atau lebih dalam bidang teknikal dan profesional.
- (d) Pemohon mempunyai pengalaman kerja selama 3 tahun atau lebih dalam bidang teknikal dan profesional.
- (e) Pemohon mempunyai pengalaman kerja selama 3 tahun atau lebih dalam bidang teknikal dan profesional.
- (f) Pemohon mempunyai pengalaman kerja selama 3 tahun atau lebih dalam bidang teknikal dan profesional.

**SKIM IKLAN**

# PROMOSI KERJASAMA, KOLABORASI DALAM PERSEKITARAN SIHAT



PROGRAM Antarabangsa 'Share Learn Grow' Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) Tahun 2023 yang disertai oleh seramai 156 peserta terdiri daripada sembilan buah negara.

**ANGGEREK DESA**, Rabu, 22 November. - Seramai 156 peserta terdiri daripada sembilan buah negara, iaitu tuan rumah, Negara Brunei Darussalam (NBD), Bangladesh, Kemboja, India, Malaysia, Maldives, Pakistan, Filipina dan Singapura menyertai

Program Antarabangsa 'Share Learn Grow' Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) Tahun 2023.

Program Antarabangsa berkenaan diadakan selama enam hari mulai 22 hingga 27 November 2023 bertempat di Mulia Hotel.

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Ihsan Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam

Program berkenaan diisi dengan ceramah Keshihan Mental bertajuk 'What Are You Worried About? – Being at peace with your anxiety' dan ia adalah salah satu pengisian Program Antarabangsa 'Share Learn Grow' anjuran Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam Tahun 2023.

Ceramah disampaikan oleh Kaunselor di Unit Kesejahteraan Pemimpin Sekolah dan Tenaga Pengajar di Kementerian Pendidikan, Awang Hafizuddin bin Haji Md. Jaya.

Antara pengisian ceramah adalah mengenai perspektif unik berkenaan kegelisahan (*anxiety*) dan kegelisahan bukanlah sesuatu yang perlu dibuang selain memberi tumpuan bagaimana individu boleh hidup dengan aman walaupun berhadapan dengan masalah kegelisahan.

Tujuan program antarabangsa berkenaan diadakan adalah untuk

mempromosi kerjasama dan kolaborasi dalam persekitaran yang sihat dan selamat, menyokong agenda Matlamat Pembangunan Mampan, merangsang kerjasama dan kepimpinan antara generasi serta mengenali NBD secara lebih dekat.

Pelbagai bengkel, pembentangan dan aktiviti dirancang bagi pengisian bermanfaat untuk para peserta program berkenaan. Antaranya ialah Forum Kepimpinan Antara Generasi (Intergenerational Leadership), pembentangan dan Bengkel Perancangan Strategik (Strategic Planning), acara penanaman pokok dan lawatan ke tempat-tempat menarik di Daerah Tutong dan Bandar Seri Begawan.


Antara yang hadir ialah Pengerusi Asia Pacific Regional Committee World Association of Girl Guides and Girl Scouts,



DAYANG Hajah Viviyanti binti Haji Md. Ali semasa menyampaikan ucapannya.

Chempaka Emalin Pahamin; Ahli World Board World Association of Girl Guides and Girl Scouts, Sharrada Segeran; Sukarelawan World Association of Girl Guides and Girl Scouts, Dato Jeyadhevi Subramaniam; dan Timbalan Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Hajah Viviyanti binti Haji Md. Ali.

## 140 tin minuman keras pelbagai jenama dirampas



Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**MUARA**, Rabu, 22 November. - Dalam usaha untuk meningkatkan tahap keselamatan di perairan negara ini, Polis Marin, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB)

bersama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) menjalankan satu operasi sepadu yang menumpukan di kawasan

OPERASI sepadu yang dijalankan menumpukan di kawasan perairan Teluk Brunei (kanan). Manakala gambar kiri, sejumlah 140 tin minuman keras pelbagai jenama ditemui semasa operasi berkenaan.



perairan Teluk Brunei.

Sepanjang operasi dijalankan, sebanyak empat buah perahu nelayan diperiksa. Hasil pemeriksaan, tidak ada didapati sebarang kesalahan.

Pada sekitar waktu tengah malam, bot PolMar mengesan sebuah perahu yang mencurigakan sedang bergerak laju di kawasan zon operasi.

Berikutnya dari itu, satu aksi kejar

mengejar telah berlaku antara agensi penguatkuasa dengan perahu suspek.

Perahu suspek bertindak membuang barang tegahan untuk mengelak daripada ditahan dan dapat melarikan diri ke perairan sempadan negara jiran.

Usaha mencari barang tegahan yang dibuang berjaya menemukan sejumlah 140 tin minuman keras pelbagai jenama.

Se semua barang tegahan yang berjumlah 140 tin berkenaan diserahkan kepada JKED untuk tindakan selanjutnya.

**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM**  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

# PENTING

## SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

**IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP**

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Usama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja

**DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR**

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemas kin pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. Sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemasini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

**BARU**

Gantikan kepada maklumat yang belum lengkap. Untuk maklumat yang belum lengkap, sila lengkapkan maklumat yang belum lengkap. Untuk maklumat yang lengkap, sila lengkapkan maklumat yang lengkap.

Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

Memahami bahawa maklumat profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak mewujudkan kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.



SERAMAI 169 pelajar Tahun 6 Sekolah Rendah Seri Mulia Sarjana menerima sijil dan anugerah pada Majlis Penganugerahan dan Graduasi yang berlangsung di salah sebuah hotel di Gadong (atas dan kanan).

**GADONG**, Khamis, 23 November. - Seramai 169 pelajar Tahun 6 Sekolah Rendah Seri Mulia Sarjana (SMSS) yang menduduki Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) diraikan pada Majlis

Penganugerahan dan Graduasi bertempat di sebuah hotel di Gadong, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Timbalan Pesuruhjaya Bangladesh ke Negara Brunei

# 169 PELAJAR TAHUN 6 SMSS DIRAIKAN

Oleh : Aimi Sani

Foto : Alishahrin Haji Mumin

Darussalam, Tuan Yang Terutama Tamoy Majumder.

Terdahulu, acara dimulakan dengan persembahan nyanyian daripada pelajar-pelajar sekolah berkenaan serta tayangan video yang memaparkan mengenai kenangan murid-murid PSR Tahun 2023 di sekolah berkenaan.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil dan anugerah bagi murid-murid yang lulus PSR yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.

Juga hadir ialah Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif SMSS, Dr. Mary Lim, guru-guru dan para ibu bapa serta keluarga pelajar yang diraikan.



## Suntik semangat patriotisme dalam diri pelajar



KETUA Cawangan Penerangan Belait, Awang Musa bin Mohidin menyampaikan Taklimat Kenegaraan kepada penuntut-penuntut Pusat Tingkatan Enam Belait (atas dan bawah).

Berita dan Foto : Herrie Suliana Haji Othman

**BELAIT**, Khamis, 23 November. - Seramai 71 orang pelajar Pra U 1 Pusat Tingkatan Enam Belait (PTEB) menghadiri Taklimat Kenegaraan mengenai peranan dan tanggungjawab rakyat kepada negara dan pemerintah, masyarakat serta keluarga yang berlangsung di Lecture Room, sekolah berkenaan, hari ini.

Pengisian taklimat disampaikan oleh Ketua Cawangan Penerangan Belait, Awang Musa bin Mohidin yang antara lain menyentuh mengenai peranan dan tanggungjawab kita dalam sama-sama menyumbang kepada kesejahteraan negara.

Taklimat tersebut turut mengemukakan tentang 'Peranan dan Tanggungjawab Sebagai Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam' juga bertujuan menyentik semangat patriotisme dalam diri para penuntut serta sama-sama mendukung matlamat

Wawasan Brunei 2035 dan Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035.

Taklimat Kenegaraan seumpamanya merupakan usaha berterusan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri untuk

menanamkan rasa cinta kepada raja, bangsa dan negara dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan PTEB.

Turut hadir, Pemangku Pengetua PTEB, Lee Siew Peng; Pemangku Timbalan Pengetua dan para tenaga pengajar sekolah tersebut.



## Pemantauan situasi banjir di Daerah Belait

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis

Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat

**BELAIT**, Khamis, 23 November. - Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai Sitrep Pemantauan Banjir khususnya di kawasan Daerah Belait, Mukim Bukit Sawat, Labi dan juga Sukang setakat waktu pagi, hari ini.


Hasil daripada pemantauan tersebut, sebanyak tiga buah rumah terjejas di mana 15 penduduk juga terjejas berikut dengan banjir manakala dua buah jalan raya iaitu di Simpang 1366 Merangking Hilir dan Jalan Kandul juga turut terjejas akibat banjir tersebut.

Sehubungan itu, JBP telah mengerahkan satu anggota bomba mereka dalam memastikan penduduk-penduduk yang terjejas mendapat bantuan yang sewajarnya dan sama-sama menangani lagi situasi berkenaan.

Di Mukim Bukit Sawat, Simpang 1366 Merangking Hilir pada sebelah pagi tadi mengalami kenaikan air iaitu sekitar 0.20 meter di mana jalan tersebut masih dapat dilalui oleh kesemua jenis kenderaan manakala Jalan Kandul pula mengalami kenaikan air setinggi 0.50 meter dan jarak jauh sehingga 200 meter serta keadaan jalan raya ini tidak dapat dilalui oleh kenderaan jenis Saloon dan 4x4 (Four Wheel Drive).

Manakala di kawasan Jalan Laid Lakang, keadaan jalan raya hanya mengalami takungan air dan tanah lecak serta jalan ini tidak dapat dilalui oleh kenderaan jenis Saloon.

Seterusnya beberapa jalan di kawasan Mukim Labi dan Mukim Sukang masih tidak ada tanda-tanda banjir setakat pagi tadi dan jalan dapat dilalui oleh kesemua jenis kenderaan.



ANTARA jalan yang terjejas banjir semasa pemantauan yang dilaksanakan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat di kawasan Daerah Belait, Mukim Bukit Sawat, Labi dan Sukang.



ePaper Pelita Brunei



## PENANDATANGAN PERJANJIAN TAJAAN THE ALPHA OBSTACLE CHALLENGE



MAJLIS Penandatanganan Perjanjian diadakan di Dewan Serbaguna D'Sunlit Sdn. Bhd. dengan beberapa rakan dan penaja daripada organisasi serta syarikat bagi menjayakan acara The Alpha Challenge 2023.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Azmah Haji Ahad

**BERIBI**, Khamis, 23 November. - D'Sunlit Sdn. Bhd. sekali lagi akan menganjurkan The Alpha Obstacle Challenge 2023 Kali Ke-7 dengan membawakan tema '7th Installment D'Sunlit Sdn. Bhd.' bersempena dengan Festival Disember Brunei (BDF 2023) dan disokong oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan

Pelancongan (KSSUP).

The Alpha Obstacle Challenge merupakan satu perlumbaan yang cukup mencabar dan larian yang dipenuhi dengan halangan serta yang terbesar di negara ini di mana ia bertujuan untuk mencabar daya kekuatan bukan sahaja fizikal peserta juga kekuatan intelektual peserta.

Bersempena dengan BDF 2023, The Alpha Obstacle Challenge ini akan diadakan di Taman Rekreasi Hutan Simpan Berakas pada 3 Disember ini nanti.

Sehubungan itu, Majlis Penandatanganan Perjanjian diadakan di Dewan Serbaguna D'Sunlit Sdn. Bhd. hari ini dengan beberapa rakan dan penaja daripada organisasi serta syarikat bagi menjayakan acara itu nanti.

Menandatangi bagi pihak D'Sunlit Sdn. Bhd ialah diwakili oleh Pengurus Operasi, Ngu Tiing Siang dan Pengurus Jualan, Mike Chia. Manakala pihak rakan dan penaja organisasi serta syarikat diwakili daripada setiap perwakilan masing-masing.

Sebanyak tiga kategori terbuka iaitu Fun Run (5 halangan), Omega Challenge (8 halangan) dan Sentinel Sprint (12 halangan). Terdapat tujuh halangan baharu

dan menarik di sepanjang laluan untuk membolehkan peserta menguji aspek fizikal dan mental mereka.

Sebaik sahaja mengatasi dan menyelesaikan halangan tersebut peserta akan menerima gelaran 'Alpha'. Selain itu, penganjuran acara akan melakukan Cabutan Bertuah The Alpha Obstacle Challenge dengan hadiah sehingga BND10,000.

Semua peserta yang berdaftar akan layak memenangi 30 hadiah menarik semasa hari tersebut dan seorang pemenang bertuah akan menerima hadiah utama BND1,000 serta dua tiket penerbangan percuma ke Bangkok, Thailand.

Sebarang maklumat lanjut, bolehlah menghubungi D'Sunlit Sdn. Bhd. menerusi talian +673 2453666 atau menerusi e-mail [thealphachallengebn@gmail.com](mailto:thealphachallengebn@gmail.com) dan juga media sosial, Facebook *The Alpha Challenge* dan ikuti di Instagram [@thealphachallengebn](https://www.instagram.com/thealphachallengebn) bagi sebarang maklumat terkini.

## Kejohanan renang buktikan semangat kesukanan peserta

7<sup>th</sup> BRUNEI OPEN & MASTERS  
7 - 9 YEARS OLD (SHORT COURSE)  
SWIMMING CHAMPIONSHIPS  
17<sup>th</sup> - 19<sup>th</sup> NOVEMBER 2023  
ISB POOL, BRUNEI



HAYLEY Wong daripada Kelab Renang Dolphin berjaya mencatat rekod pada Kejohanan Renang Terbuka & Master dan 7 - 9 Tahun Brunei Kali Ke-7.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 22 November. - Kejohanan Renang Terbuka & Master dan 7 - 9 Tahun Brunei Kali Ke-7 (The 7th Brunei Open & Masters and 7 - 9

Years Old Swimming Championships), diadakan di Kolam Renang Sekolah Antarabangsa Brunei dari 17 hingga 19 November 2023 dan dianjurkan oleh Persatuan Renang Brunei Darussalam (BDSA).

Kejohanan berkenaan menyaksikan persembahan yang mengagumkan, dengan kejayaan para perenang dalam memecahkan rekod dan mencipta gelombang kecemerlangan.

Para atlet berkenaan mencatat nama mereka kerana berjaya memecahkan Brunei National Open Record.

Mereka ialah Zeke Chan daripada Kelab Renang Mabohai yang berjaya mencatat rekod 100 meter (m) Gaya Bebas (52.05 saat (s)), 400m Gaya Bebas (4:08.06s), 100m Kuak Lentang (57.23s), 200m Kuak Lentang (2:05.03s), dan 200m Medley Individu (2:10.43s).

Sementara itu, Hayley Wong daripada Kelab Renang Dolphin berjaya mencatat rekod 50m Gaya Bebas (27.26s), 100m Gaya Bebas (59.93s), 400m Gaya Bebas (4:49.78s), 50m Kuak Dada (33.46s), 50m Rama-rama

(28.78s), 100m Medley Individu (1:07.03s) dan 200m Medley Individu (2:28.86s).

Manakala, Joel Ling daripada Brunei Speed Swimming Club berjaya mencatat rekod 400m Gaya Bebas (4:12.20s), 50m Kuak Lentang (27.22s), 200m Kuak Lentang (2:07.16s) dan 200m Medley Individu (2:10.43s).

Kejohanan Renang 7 - 9 Tahun (The 7 - 9 Years Old Swimming Championships) mempamerkan kegembiraan perenang muda walaupun dalam keadaan hujan turun, dan menjadikannya pengalaman yang tidak dapat dilupakan oleh peserta dan penonton.

Paul Yong, berumur 82 turut mempamerkan kebolehan diri dengan bertanding dalam 25m Rama-rama menunjukkan semangat dedikasi sepanjang hayat kepada sukan berkenaan.

BDSA merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; dan Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan atas sokongan yang tidak ternilai.

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Renang Amatur Negara Brunei Darussalam

Ucapan penghargaan terima kasih juga ditujukan kepada Suci Water untuk penghidratan, Canon untuk penyelesaian dokumen yang cekap, dan Sekolah Antarabangsa Brunei kerana menyediakan kemudahan bertaraf dunia.

Kejohanan tersebut bukan

sahaja mencipta rekod baharu tetapi juga menjadi bukti semangat kesukanan, keazaman, dan sokongan masyarakat.

BDSA menantikan kejohanan masa depan, meneruskan tradisi kecemerlangan dalam komuniti renang Negara Brunei Darussalam.

## Tahukah Awda

**J**ABATAN Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) akan memperkenalkan National Labour Management System (NLMS) bagi menggantikan sistem berkaunter di jabatan berkenaan bagi memudahkan orang ramai dan agensi-agensi pekerjaan yang berdaftar dengan Jabatan Buruh menghadapkan permohonan bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan Buruh seperti permohonan Lesen Pekerja Asing (LPA) dan Lesen Perkhidmatan Domestik (LPD) secara dalam talian (online). Pelaksanaan sistem baharu ini nanti akan dilaksanakan secara berfasa iaitu untuk memastikan pelaksanaannya dapat berjalan dengan baik dan teratur. Pendaftaran ke atas NLMS akan mula dibukukan kepada majikan yang memegang LPA dan LPD bermula Sabtu, 1 April 2023.

SUMBER : Pelita Brunei, Edisi Mac

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

MUNAJAT SENEGARA DENGAN TAUBAT